



● BIL 296 ● 10 - 16 JANUARI 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

TINGKAT INTEGRITI demi MARUAH NEGARA

➤➤ 2-3

Pendidikan
fokus utama YWP
➤➤ 8

Tragedi
Disember
➤➤ 9-11

Segalanya Menanti Anda
dalam Kempen SBMB 4.0!
➤➤ 19

Tingkat integriti demi maruah negara

KUAT KUASA DASAR SIFAR TOLERANSI

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

KERAJAAN dan mana-mana organisasi perlu menguatkuasakan secara menyeluruh dasar 'zero tolerance' atau sifar toleransi terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan amalan tidak beretika.

Demikian ditegaskan Presiden Pertubuhan Anti Korupsi Malaysia (Pakar), **Mohd Nasir Ab Hadi** sebagai prasyarat meletakkan Malaysia sebagai negara berintegriti tinggi.

Untuk itu katanya amat penting mendahulukan kepimpinan berintegriti atau 'tone from the top' yang berhubung kait dengan perilaku serta tindakan kepimpinan tertinggi dalam mencorakkan budaya dan nilai sesebuah organisasi.

"Pemimpin tertinggi dalam kerajaan dan sektor swasta mesti menunjukkan teladan dalam mengamalkan nilai-nilai integriti dan kejujuran," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Mohd Nasir melangkaui semuanya itu, pendidikan dan pemahaman agama terhadap dosa melakukan amalan rasuah perlu ditingkatkan.

Ia katanya boleh dilaksanakan dengan menyemai nilai-nilai integriti melalui pendidikan termasuk mengukuhkan ajaran agama di sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Katanya dalam konteks Islam, ia dilakukan dengan memupuk nilai amanah, kejujuran dan keadilan seperti diajar dalam Al-Quran dan hadis.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada 2023 meningkat empat anak tangga dari kedudukan 61 pada 2022, kepada 57 meliputi 180 negara.

Namun begitu, tiada satu negara Islam berada dalam kedudukan 10 terbaik dalam CPI setakat ini.

Mohd Nasir menambah aspek seterusnya adalah pembangunan dan pemantauan sistem serta proses telus.

"Wujudkan mekanisme pemantauan



yang lebih efektif dalam pentadbiran awam dan sektor swasta.

"Perlu dipastikan juga setiap proses pengambilan keputusan adalah telus dan boleh dipertanggungjawabkan," katanya.

Dalam memastikan Malaysia dipandang tinggi dari aspek integriti katanya kerajaan hendaklah memperkuat undang-undang berkaitan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta memastikan tindakan tegas tanpa mengira kedudukan.

Namun jelasnya pemberi maklumat (*whistleblowers*) yang mendedahkan salah laku sepatutnya dilindungi bagi meningkatkan peranan masyarakat membanteras


amalan tidak beretika.

"Kita perlu melibatkan masyarakat dalam program kesedaran mengenai kepentingan integriti dan kesan negatif rasuah.

"Masyarakat kena memainkan peranan aktif dalam menolak amalan tidak berintegriti," katanya.

Seterusnya, tegas beliau adalah menggalakkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, institusi agama dan pihak media dalam menyebarkan inisiatif dalam memerangi rasuah.

"Menyelaras dan menjayakan program berbentuk integriti agar ia selari dengan budaya tempatan.

"Pendekatan menyeluruh ini memerlukan komitmen berterusan semua pihak untuk menjadikan Malaysia negara yang dihormati kerana integritinya," tambahnya. 



MOHD NASIR

Perkukuh nilai kejujuran, amanah

PAKAR undang-undang antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Madya Dr Mohd Yazid Zul Kepli** berkata, untuk membentuk Malaysia sebagai negara berintegriti memerlukan pendekatan menyeluruh.

"Usaha itu perlu melibatkan kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan rakyat kerana pengukuhan undang-undang antirasuah dan penguatkuasaan yang tegas adalah asas penting.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mesti diberi kuasa penuh dan bebas untuk bertindak, manakala Akta Perlindungan Pemberi

Maklumat perlu diperkuat bagi melindungi pemberi maklumat," katanya.

Menurut Mohd Yazid, ketelusan dalam tadbir urus juga perlu ditingkatkan.

Katanya, reformasi sektor awam harus memastikan ketelusan dalam perolehan kerajaan dan perbelanjaan awam melalui sistem bidaan terbuka.


"Pemimpin politik dan pegawai tinggi wajib mengisytiharkan harta secara berkala, dengan diaudit



MOHD YAZID

oleh badan bebas. Pendidikan integriti dalam kalangan masyarakat perlu diperluaskan," katanya.

Sementara itu, Mohd Yazid berkata, nilai kejujuran dan amanah boleh diperkukuhkan melalui pendidikan antirasuah di sekolah, serta kempen kesedaran melalui media.

Jelas beliau, pada masa yang sama, sektor swasta perlu mengamalkan tadbir urus korporat yang telus dan mengelakkan rasuah. 

Majikan main peranan

"INTEGRITI dalam kalangan pekerja sangat penting untuk memastikan suasana kerja yang harmoni, produktif dan profesional," kata Ketua Pengurusan Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), **Dr Rogis Baker**.

Ujar beliau, ia adalah nilai asas yang sangat penting dalam persekitaran profesional untuk membina kepercayaan antara pekerja, majikan dan rakan sekerja.

"Terdapat beberapa kajian tingkah laku menunjukkan budaya kerja yang diterapkan dalam sesebuah organisasi dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku pekerja. Oleh itu, program-program untuk mempersiapkan mental pekerja sangat penting untuk memastikan mereka tidak terjebak dalam perkara yang menjejaskan integriti mereka.

"Program-program meningkatkan kesedaran dan pendidikan boleh membantu meningkatkan kesedaran pekerja tentang pentingnya integriti dan etika kerja. Pendidikan berterusan tentang nilai-nilai ini boleh menguatkan jati diri pekerja dan membantu mereka membuat keputusan yang betul.

"Kesihatan mental yang baik adalah asas kepada tingkah laku yang berintegriti. Program kesihatan mental di tempat kerja boleh membantu pekerja menguruskan tekanan yang sering menjadi punca kepada kesalahan integriti.

"Di samping itu, perlunya program sokongan dan bimbingan untuk mereka yang menghadapi dilema etika atau tekanan kerja. Dengan adanya sokongan ini, pekerja lebih cenderung untuk membuat keputusan yang beretika," ujar beliau.

Tambah beliau, bagi membina budaya kerja yang positif, program-program yang memfokuskan kepada kesihatan mental dan integriti akan menggalakkan pekerja untuk berpegang kepada nilai-nilai integriti dalam setiap tindakan mereka.

"Selain itu, penting untuk menggalakkan komunikasi terbuka antara pekerja dan pengurusan bagi membolehkan pekerja melaporkan sebarang isu atau kebimbangan tanpa rasa takut akan tindakan balas.

"Dengan adanya semua ini, organisasi boleh memastikan pekerja mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran etika dan mengekalkan integriti dalam setiap aspek pekerjaan mereka," ujarnya.

Dalam masa sama, Rogis turut menyarankan beberapa langkah yang boleh diambil majikan untuk memastikan integriti, proses tadbir urus, moral dan tingkah laku beretika diamalkan di bawah pengurusan mereka.

"Pastikan terdapat polisi dan prosedur yang jelas mengenai integriti dan etika kerja. Ini termasuk kod etika, garis panduan tingkah laku dan prosedur pelaporan salah laku.

"Majikan perlu melaksanakan sistem pemantauan yang berkesan untuk mengesan dan mencegah salah laku. Pastikan tindakan disiplin yang tegas diambil terhadap mereka yang melanggar peraturan.

"Pemimpin dan pengurusan atasan juga perlu menunjukkan teladan yang baik dalam mengamalkan integriti dan etika kerja. Sikap dan tindakan mereka akan menjadi contoh kepada pekerja lain.

"Selain itu, majikan perlu wujudkan saluran pelaporan yang selamat dan rahsia untuk pekerja melaporkan sebarang salah laku atau penyalahgunaan kuasa tanpa rasa takut akan tindakan balas," ujar beliau.

Kata Rogis lagi, majikan boleh memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja yang menunjukkan tingkah laku beretika dan berintegriti tinggi bagi menjadi motivasi kepada pekerja lain untuk mengikut jejak langkah yang sama.

"Majikan perlu melakukan audit dan penilaian berkala terhadap amalan tadbir urus dan integriti dalam organisasi. Ini membantu mengenal pasti sebarang kelemahan dan mengambil tindakan pembetulan yang diperlukan.

"Dengan mengambil langkah ini, majikan boleh memastikan bahawa integriti, tadbir urus yang baik, moral dan tingkah laku beretika diamalkan di tempat kerja, sekali gus memerangi rasuah dan salah laku," tegas beliau. 



ROGIS

Tingkat integriti demi maruah negara

SEMUA PIHAK PERLU CAPAI ILTIZAM

HARAPAN untuk meletakkan Malaysia sebaris negara yang berintegriti dunia hanya dapat dicapai sekiranya pekerja di sektor awam dan swasta mempunyai iltizam yang jitu demi mencapai wawasan tersebut.

Menurut aktivis sosial, **Tan Sri Lee Lam Thye**, keperluan sesebuah negara ditadbir dengan penekanan terhadap integriti selain usaha pencegahan terhadap rasuah adalah impian untuk setiap rakyat kerana ia dapat meningkatkan imej negara selain menjadi faktor kepada kecekapan sesebuah pentadbiran.

"Sekiranya pihak penjawat awam mereka masih mempunyai keinginan untuk mendapatkan sesuatu dan ada kecenderungan rasuah, jadi saya rasa ia susah untuk capai.

"Ini bukan sahaja penjawat awam, ia termasuk sektor swasta, sebab kita hendak wujudkan sebuah negara yang berintegriti, kita perlu melibatkan semua pihak bukan sahaja kerajaan, bahkan ia turut melibatkan sektor swasta dan masyarakat keseluruhannya," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Isnin.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sentiasa menegaskan isu integriti dan tatakelola sejurus menerajui Kerajaan

Persekutuan, namun pada masa sama ia perlu disambut anggota pentadbiran kerajaan serta barisan penjawat awam.

"Sudah lebih dua tahun kerajaan ini mentadbir dan Perdana Menteri sentiasa mengingatkan sektor awam, tetapi masih ada kakitangan awam yang terlibat dengan rasuah seperti mana yang kita tahu melibatkan tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dikatakan hampir setiap minggu tangkapan dan pendakwaan oleh mereka seperti yang dipaparkan media.

"Jadi saya rasa amat penting adalah sejauh mana penjawat awam betul-betul hendak membantu Perdana Menteri untuk merealisasikan harapan beliau dan sejauh mana penjawat awam bersedia untuk menjadi contoh yang baik kepada rakyat berdasarkan kepimpinan melalui teladan dan ia sangat penting.

"Saya rasa ada faktor-faktor lain yang juga perlu diambil kira. Namun sejauh mana kakitangan awam mempunyai iltizam dan bersedia untuk berubah bagi mencapai hasrat Perdana Menteri itu yang perlu dicapai," katanya.

Lam Thye berkata, keinginan Perdana Menteri untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih


merupakan sesuatu yang baik dialu-alukan oleh orang ramai kerana mereka hendak melihat sebuah pentadbiran yang bersih, jujur dan berintegriti serta cekap.

"Tetapi yang paling penting adalah sama ada pihak kerajaan ada iltizam politik untuk memastikan bahawa objektif ini tercapai.

"Iltizam politik atau *political will* ini penting, dan sungguhpun Perdana Menteri sudah berkali-kali menegaskan kakitangan kerajaan dan mengingatkan penjawat awam untuk sentiasa berintegriti, namun masih ada banyak kes yang melibatkan mereka dalam isu rasuah dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Lam Thye turut menggesa pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran khususnya melibatkan pendidikan antirasuah dalam kalangan murid sekolah bagi membina masyarakat yang berintegriti pada masa depan.

"Generasi muda merupakan aset yang amat berharga, justeru itu, saya menyarankan agar pendidikan antirasuah ini perlu dijadikan silibus untuk murid sekolah rendah seperti mana kempen jauh di dadah yang dilaksanakan sebelum ini.

"Dengan penerapan seawal umur sembilan tahun, ia sekali gus dapat meningkatkan kesedaran lebih awal selain mendidik generasi muda membenci perlakuan rasuah dan menerapkan kepentingan nilai integriti," katanya. 


LAM THYE

Agenda penting bina sebuah peradaban bangsa

"**MEMBINA** integriti dalam negara perkara amat penting serta perlu mendapat sokongan yang menyeluruh," kata Felo Penyelidik Utama di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Dr Zaid Ahmad**.

Katanya, bagi meningkatkan integriti, apa yang paling utama adalah untuk membina peradaban.

"Kita cakap tentang kemajuan dan pembangunan tetapi ia lebih besar daripada itu kerana kita sekarang dalam agenda membina sebuah peradaban bangsa.

"Ketika membina peradaban bangsa, datang nilai-nilai yang perlu untuk menjadi sebahagian induk masyarakat peradaban di mana salah satunya ialah nilai integriti," ujarnya.

Menurut Zaid, jika nilai tersebut tinggi, orang ramai akan berasa

selamat kerana ia biasanya jujur, suka membantu, tidak mencurangi serta melakukan kejahatan kepada orang lain.

Beliau berkata, sebuah bangsa yang mempunyai nilai peradaban tinggi akan disukai oleh sesiapa sahaja.

"Kalau kita hidup rasa selamat orang datang pun rasa selamat. Kadar jenayah rendah dan tak ada orang rasa terancam," katanya.

Mengulas lanjut, Zaid berkata, laungan Kerajaan MADANI pada masa ini adalah melakukan reformasi dan ia sedang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, semua pihak perlu mengurangkan 'politicking'.

"Hari ini 24 jam orang berpolitik. Mengulas perkara politik ada ketikanya tidak produktif.

"Jadi hanyalah memperolok dan pada saya semua kerja tak ada

faedah. Kena tanya apa yang boleh kita sumbang pada negara dan pembinaan masyarakat masa ini dalam ruang lingkup kita sendiri.

"Kalau saya sebagai pensyarah akan buat perubahan dalam kerangka saya begitu juga penjawat awam lain. Sesiapa sahaja bagi saya korporat atau awam mesti dukung gagasan ini," katanya.

Sementara itu, Zaid berkata, terlalu banyak aspek yang perlu diperbaiki lagi dalam konteks pembanterasan rasuah.

Beliau bagaimanapun mengakui kerajaan berjaya mewujudkan sebuah institusi yang menangani soal rasuah dan ia amatlah penting.

"Kita juga berjaya wujudkan undang-undang tangani rasuah. Untuk melaksanakannya perlu banyak lakukan reformasi. Kena penambahbaikan," katanya.

Tambahnya, Perdana Menteri beberapa kali membuat kenyataan kerajaan tidak akan mencampuri urusan agensi pencegahan rasuah dan memberi mandat yang sepenuhnya.



INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA

PADA tahun 2024, Malaysia menunjukkan peningkatan dalam usaha memerangi rasuah, yang tercermin dalam beberapa statistik dan penilaian terkini.

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 menurut Transparency International, Malaysia telah memperbaiki kedudukannya.

Kedudukan Global: Naik dari tangga ke-61 pada tahun 2022 ke tangga ke-57 daripada 180 negara.

Skor CPI: Meningkat daripada 47 kepada 50, menunjukkan persepsi yang lebih baik terhadap usaha antirasuah di negara ini.



STATISTIK TANGKAPAN OLEH SPRM (JANUARI - JUN 2024)

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan statistik tangkapan bagi separuh pertama tahun 2024:

Jumlah Tangkapan: Data spesifik mengenai jumlah tangkapan tidak dinyatakan dalam sumber yang dirujuk.

Penjawat Awam Terlibat: Hampir 50% daripada individu yang ditahan terdiri daripada penjawat awam, menunjukkan keperluan berterusan untuk meningkatkan integriti dalam sektor awam.

SASARAN MASA DEPAN

KERAJAAN Malaysia menetapkan matlamat untuk mencapai kedudukan 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dunia:

Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028: Inisiatif ini dirancang untuk memperkukuh usaha antirasuah dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam CPI.

Walaupun terdapat peningkatan dalam kedudukan dan skor CPI, serta usaha berterusan oleh SPRM dalam menangani rasuah, cabaran masih wujud, terutamanya dengan penglibatan signifikan penjawat awam dalam kes rasuah.

Komitmen kerajaan untuk mencapai kedudukan yang lebih baik dalam CPI global mencerminkan tekad untuk memperkukuh integriti dan ketelusan dalam semua sektor.



* Data di atas berdasarkan maklumat terkini sehingga Januari 2025. Statistik rasmi penuh untuk tahun 2024 mungkin belum diterbitkan sepenuhnya.

Wujud keadaan baik dalam sektor perniagaan, perdagangan

PERMINTAAN EKONOMI STABIL

AZLAN ZAMBRY

DASAR monetari dan fiskal yang dilaksanakan Kerajaan Malaysia dilihat berfungsi untuk memastikan permintaan ekonomi di dalam negara kekal stabil serta mewujudkan keadaan yang baik dalam sektor perniagaan dan perdagangan antarabangsa.

Menurut Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid**, kedua-dua dasar tersebut telah digemblengkan dengan berkesan sekali gus menunjukkan hasil positif menerusi pertumbuhan ekonomi 5.2 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 2024 dan telah berada dalam sasaran kerajaan iaitu 4.8 peratus hingga 5.3 peratus.

"Kadar pengangguran pula terus menurun ke paras 3.2 peratus pada November berbanding 3.3 peratus pada Januari 2024.

"Justeru pasaran buruh dilihat telah mencapai guna tenaga penuh kerana sudah ramai yang mendapat pekerjaan dan menerima pendapatan dan perkara ini telah menyumbang kepada prestasi ringgit kerana ia akan mewujudkan permintaan dalam kalangan para pelabur yang mahu melabur dalam pasaran saham dan bon," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Rabu.

Tambah beliau, tidak kurang juga para pelabur jangka panjang yang mempunyai premis dan rangkaian perniagaan serta



hab pengeluaran dan ditambah pula faktor lebih dalam imbalan dagangan serta para pelabur institusi yang membawa pulang keuntungan mereka hasil daripada pelaburan luar negeri.

"Perkara ini dilihat banyak membantu dalam mengukuhkan ringgit pada 2024," katanya.

Menurut Mohd Afzanizam, perkaitan politik dan ekonomi adalah begitu jelas kerana ia ada hubung kait yang langsung dengan penggubalan dan pelaksanaan dasar.

"Perkara ini akan sentiasa dipantau oleh pelabur asing yang melihat peluang untuk

melabur di Malaysia.

"Oleh itu, amat penting bagi memastikan kestabilan politik dapat dicapai dan ia menterjemahkan pelaksanaan dasar yang bersifat reformis," katanya.

Menurut beliau, menerusi pelaksanaan beberapa dasar baharu seperti rasionalisasi subsidi diesel, semakan tarif air dan elektrik, pengenalan cukai *Low Value Goods*, kenaikan kadar cukai SST dan pelbagai lagi langkah yang kurang popular yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan dan menjadikan ekonomi negara lebih berdaya saing.

"Sekiranya momentum reformasi dapat diteruskan melalui kestabilan politik, maka nilai ringgit berpotensi untuk mencapai nilai yang lebih kukuh pada masa akan datang.

semakin menular di negara-negara barat.

"Sememangnya rantau ASEAN sentiasa mempunyai hubungan diplomatik yang baik dan rantau ekonomi yang aman. Banyak perniagaan dan industri saling berhubung kait melalui pelbagai perjanjian perdagangan antarabangsa.

"Justeru, menerusi kerjasama dengan negara-negara BRICS, ia dilihat suatu tindakan strategik bagi memastikan negara-negara di rantau ini dapat meminimumkan risiko dasar *protectionist* yang diamalkan di barat.

"Oleh itu, rantau ini secara kolektifnya boleh maju bersama dengan kerjasama yang erat. Terbaru, perjanjian JS-SEZ yang ditandatangani menunjukkan negara ASEAN mempunyai kelebihan untuk saling bekerjasama dalam pelbagai bidang," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Afzanizam berkata tindakan mengeluarkan Malaysia daripada senarai pemantauan manipulasi dolar AS menunjukkan dasar ekonomi Malaysia termasuklah pengurusan mata wang dilaksanakan dengan bertanggungjawab dan bersifat harmoni serta sejagat.

"Kebertanggungjawaban dasar ini seharusnya menjadikan negara ini mempunyai kredibiliti yang tinggi dan berpotensi untuk menjalinkan hubungan yang baik di serata dunia.

"Oleh itu, Malaysia berupaya memainkan peranan pengimbangan di kala kuasa-kuasa besar dunia dilihat mempunyai hubungan diplomatik yang agak dingin," katanya. 📱



MOHD AFZANIZAM

Ciri kemelayuan Kampung Baru dikekalkan

CIRI-CIRI kemelayuan termasuk nilai sejarah yang terdapat di Kampung Baru mesti dikekalkan dalam pembangunan kampung berkenaan pada masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, langkah itu diambil bagi memelihara nilai sejarah terhadap penempatan Melayu yang berada di tengah-tengah bandar raya.

"Kampung Baru ini penuh sejarah, terkenal dengan tradisi. Akhirnya Kampung Baru akan menjadi pemangkin kepada pembangunan keseluruhan Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur.

"Ciri-ciri kemelayuan akan dikekalkan dalam pembangunan dan aspek itu tidak boleh diketepikan. Jadi kita kena berhati-hati dalam pembangunan tersebut mengambil kira perkara-perkara ini," katanya selepas Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena 125 Tahun penubuhan Kampung Baru di Masjid Jamek Kampung

Bharu baru-baru ini.

Sementara itu Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa berikrar memastikan Kampung Baru akan terus kekal dimiliki orang Melayu serta akan sentiasa membantu untuk proses pembangunan.

"Sebagai wakil rakyat kawasan ini, saya sentiasa memastikan tanah yang telah dianugerahkan Sultan Selangor 125 tahun lalu ini kekal di tangan orang Melayu sebab waktu tanah ini diberi (dikurnia) statusnya adalah selagi ada bulan dan bintang (tetap hak Melayu).

"Saya tekankan kepada semua penduduk Kampung Baru, kita hendak pastikan tanah ini kekal di atas tanah orang Melayu serta mana-mana pembangunan di kawasan ini memang kita galakkan tetapi dengan syarat pemaju perlu ambil kira sejarah tanah ini.

"Kita tidak mahu apa berlaku kepada Sungai Baru yang menyebabkan banyak pemaju

datang kawasan ini tidak faham, dia ingat membangunkan kawasan ini macam membangunkan kawasan setingan sebaliknya ia agak berbeza," katanya.

Terdahulu, Zaliha dan Johari menyertai hampir 1,000 penduduk Kampung Baru menghadiri majlis kesyukuran anjuran bersama Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) itu.

Majlis dimulakan dengan solat Maghrib diikuti bacaan Yasin dan doa kesyukuran.

Ia bertujuan memohon keberkatan supaya segala perancangan dan pembangunan pada tahun ini dapat dijalankan dengan teratur dalam memberi keutamaan dan memelihara kepentingan orang Melayu.

Majlis itu juga sebagai tanda penghargaan dan mengenang semula jasa bakti penduduk dalam mengekalkan keunikan, identiti serta legasi yang dibina di kampung itu sepanjang 125 tahun penubuhannya. 📱



ZALIHHA menyantuni penduduk Kampung Baru dalam Majlis Doa Selamat sempena ulang tahun 125 penubuhan Kampung Baru di Kuala Lumpur.

Tanggung projek mega

TUMPU KEPADA RAKYAT

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merancang yang terbaik buat rakyat, masih ada segelintir netizen mempertikaikannya termasuk baru-baru ini, Anwar mengumumkan komitmen kerajaan membabitkan projek mega terpaksa ditangguhkan seketika kerana perlu menyelesaikan beberapa isu tertunggak.

Maka, mulalah muncul suara-suara sumbang netizen memperlekeh kemampuan Anwar mentadbir negara. Dakwa mereka, Anwar umum bawa banyak pelabur ke Malaysia tetapi tiada hasil sekali gus menganggap pemimpin utama negara itu bercakap bohong.

Mungkin ada antara mereka tidak faham, pelaburan sudah tentu mengambil masa atau tempoh tertentu untuk membuahkan hasil.

Susulan itu, Anwar lebih mementingkan kesejahteraan rakyat. Buat masa ini, kerajaan berdepan kekangan dan kini memberi tumpuan kepada projek membabitkan rakyat seperti mitigasi banjir dan infrastruktur asas.

Sehubungan itu, katanya, keputusan untuk menghidupkan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura bergantung kepada pembabitkan sepenuhnya sektor swasta tanpa membebankan kerajaan.

"Mengenai HSR, pendirian kami adalah untuk menjemput pembabitkan penuh sektor swasta kerana kerajaan ada kekangannya, isu seperti mitigasi banjir, pendidikan dan kesihatan yang menjadi keutamaan, sekurang-kurangnya untuk tempoh satu ke dua tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong sempena lawatan rasmi rakan sejawatnya itu ke Malaysia baru-baru ini.

Pada 12 Januari tahun lalu, media



ANWAR bersama Wong sempena lawatan rasmi rakan sejawatnya itu ke Malaysia baru-baru ini.

melaporkan firma Jepun membuat keputusan membatalkan rancangan untuk terbabit dalam projek HSR.

Mengikut laporan agensi berita Jepun, Kyodo News yang memetik sumber, syarikat negara itu termasuk East Japan Railway Co, berharap untuk menggunakan sistem kereta api peluru Shinkansen Jepun dalam projek itu, tetapi mereka memutuskan ia akan menjadi terlalu berisiko tanpa sokongan kewangan kerajaan Malaysia.

Disember tahun lalu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata kabinet akan membuat keputusan sama ada untuk menghidupkan semula projek HSR Kuala Lumpur-Singapura pada awal bulan ini.

Bagaimanapun beliau berkata, kertas dasar mengenai projek itu, yang bertujuan mengurangkan

masa perjalanan antara kedua-dua bandar kepada 90 minit, tidak akan menentukan sama ada projek itu benar-benar dihidupkan semula.

Katanya, ini kerana kerajaan masih perlu memulakan semula perbincangan dengan Singapura kerana HSR adalah projek rentas sempadan.

Menyentuh tentang Anwar mengutamakan rakyat, langkah kerajaan untuk memberi tumpuan kepada tiga isu iaitu banjir, pendidikan dan kesihatan juga harus dipuji kerana ketiga-tiga penting kepada kesejahteraan rakyat.

Banjir yang melanda tanpa mengira musim akibat perubahan iklim, prasarana pendidikan dan kesihatan yang perlu ditambah atau ditingkatkan membuktikan keprihatinan kerajaan.

Dengan menangguhkan projek mega termasuk HSR, wang yang sepatutnya mahu diperuntukkan untuk projek-projek berkenaan boleh disalurkan kepada isu yang lebih penting melibatkan hidup rakyat.

Perlu diingat bencana banjir kini semakin serius. Selain kerosakan harta benda, nyawa penduduk di kawasan terlibat juga terancam. Oleh itu, dengan peruntukan yang sedikit sebanyak diambil daripada projek mega tersebut sudah pasti lebih banyak langkah boleh dilakukan kerajaan membantu mangsa banjir.

Begitu juga pendidikan dan kesihatan yang amat memerlukan perhatian. Oleh itu, bajet projek mega boleh diberikan kepada projek 'mega' membina hospital dan kemudahan kesihatan lain yang dapat dirasai oleh golongan miskin.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

4 & 11/1/25: Bengkel Catan Kecil @ GMBB KL, Bukit Bintang

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC

16/2/25: KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur

16/2/25: JomRun @ Dataran Merdeka



PUTRAJAYA

12/1/25: Program Komuniti Sihat Sejahtera @ Kompleks Kejurangan Presint 11

9/2/25: Putrajaya Inter-Park @ Dataran Putrajaya

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

14-23/1/25: Belon Air Gergasi Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

9/2/25: Larian Hari Wilayah Persekutuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Bukan fokus pelancong China

SELAMA ini, terdapat netizen mendakwa Kerajaan MADANI hanya mengikut telunjuk parti DAP mengalu-alukan malah menyambut meriah pelancong dari China.

Sehinggakan ada yang mendakwa pelancong China yang datang diberikan hak kewarganegaraan Malaysia. Disebabkan itu kerajaan hanya fokus kepada pelancong China sahaja.

Ternyata netizen silap. Ini kerana Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) meletakkan sasaran ketibaan seramai 35.6 juta pelawat antarabangsa dengan menjana nilai sebanyak RM147.1

bilion pada acara Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026).

Bagi merealisasikan hal tersebut, MOTAC mengadakan peluncuran Kempen TMM 2026 sebagai inisiatif menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama yang ideal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, walaupun sasaran berkenaan tinggi, namun ia tidak mustahil untuk diraih kerana nilai tersebut adalah realistik.

"Jika hal ini berjaya diraih, maka ia dapat memanfaatkan pelbagai sektor pelancongan termasuk makanan dan minuman (F&B) serta mana-mana industri yang

berkaitan.

"Di sebalik nilai sasaran yang ingin dicapai, adalah penting untuk mempromosikan pelancongan dalam negara dengan menawarkan pengalaman bermakna kepada pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Peluncuran Kempen TMM 2026 di Hangar 6, Kompleks Kejuruteraan Malaysia Airlines Berhad (MAB).

Mengulas lanjut, Anwar memberitahu kerajaan memiliki hala tuju yang jelas bagi sektor pelancongan iaitu mempromosikan tempat percutian dalam negara yang mampan terhadap alam

sekitar dan komuniti setempat.

Menurutnya, sektor pelancongan berperanan sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi di samping menyediakan pengalaman berharga buat pelancong.

"Malaysia bukan sebuah destinasi yang biasa tetapi unik dengan kepelbagaian bangsa dan budaya," ujarnya.

Sementara itu, King Sing berkata, TMM 2026 bukan sahaja berkisarkan tentang pelancongan sebaliknya mengenai keramahan rakyat Malaysia yang bersedia menyambut kedatangan pelawat-pelawat asing.

Young Syefura sering dilabel pengkhianat Melayu

SAYA TAK AMBIL HATI



Selesai sudah takwim Dewan Rakyat untuk 2024. Bagaimana YB melihat prestasi Kerajaan Perpaduan setakat ini? Bagaimana pula prestasi pembangkang selaku semak dan imbang?

Setakat ini Kerajaan Perpaduan sudah buat yang terbaik untuk memastikan kestabilan politik negara. Bagaimanapun masih ada ruang untuk diperbaiki, terutamanya dalam isu melibatkan ekonomi, kos sara hidup dan perkhidmatan untuk rakyat.

Di pihak pembangkang pula, mereka memang aktif memainkan peranan sebagai semak dan imbang. Namun begitu adakalanya mereka lebih memfokus kepada drama politik daripada menyediakan atau memberi penyelesaian yang konkrit terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang dibangkitkan. Oleh yang demikian, kita amat mengharapkan semua pihak lebih mengutamakan keperluan-keperluan rakyat.

Bagaimana YB membawa nama DAP di bahu YB? Apakah cabaran yang dilalui sepanjang bergelar YB daripada parti itu khususnya penerimaan orang Melayu?

Menjadi wakil rakyat daripada DAP memang satu cabaran yang besar, terutama sebagai orang Melayu. Saya sentiasa membuktikan yang DAP ini bukan parti untuk satu kaum saja. Memang cabaran besar nak ubah persepsi negatif, sebab sudah lama (DAP) dimomok-momokkan. Tetapi saya percaya, kerja keras, tunjuk hasil dan terus dekati masyarakat boleh ubah pandangan itu terhadap DAP.

MEMILIH DAP sebagai wadah perjuangan politik, bukan sedikit tohmahan diterima Yang Berhormat (YB) **YOUNG SYEFURA OTHMAN** khususnya apabila dipilih untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2018.

Menang dengan cukup selesa, beliau kemudiannya tidak toleh lagi ke belakang melayan cakap-cakap termasuk dilabel

sebagai pengkhianat. Dalam PRU ke-15 (PRU15), wadah politiknya semakin melebar dengan kemenangan di kerusi Parlimen Bentong.

Dalam temu bual bersama wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, Young Syefura yang mesra disapa Rara ini sudah semakin lali dengan apa yang diperkata orang terhadapnya dan DAP. Kini beliau mengutar anak-anak muda terutama wanita untuk berani berpolitik dan mendepani isu-isu rakyat.



YOUNG SYEFURA (dua dari kanan) ketika bermesra dengan penduduk di sekitar Bentong sambil mengagihkan kalendar 2025.

Wadah perjuangan DAP selalu dikaitkan dengan kaum tertentu. Malah DAP sering dikatakan anti-Islam. Pandangan YB?

Tuduhan ini biasa kita dengar, tetapi selalunya datang daripada pihak yang tidak ikhlas dalam perjuangan. Mereka

orang yang sekadar menabur fitnah dan memecahbelahkan masyarakat.

Bagi saya, sebagai wakil rakyat dan pemimpin Islam dalam DAP, saya sendiri memastikan nilai-nilai Islam dihormati dan diterapkan dalam dasar yang adil untuk semua. Kita tak layan politik kebencian, tetapi kita fokus kepada kerja dan khidmat kepada rakyat.

Pengalaman YB bersama Barisan Nasional (BN)? Dahulu dianggap bermusuhan, kini 'sekutu' di Putrajaya.

Memang agak janggal pada mulanya bila dulu kita lawan, sekarang bekerjasama. Namun saya anggap ini langkah yang matang dalam politik. Kita letak tepi perbezaan Pakatan Harapan (PH) dan BN. Apa yang penting sekali adalah perjuangan kepada apa yang rakyat perlukan. Kerjasama ini (parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan) satu peluang untuk kita belajar dan seterusnya membina sesuatu yang jauh lebih baik bersama.

Di sidang Dewan Rakyat,

apabila berlaku pertikaman lidah antara penyokong kerajaan dan pembangkang, apa pendirian YB? YB dilihat banyak berdiam dan tidak ambil bahagian dalam 'pertikaman' itu untuk mempertahankan kerajaan.

Kalau tengok saya di Dewan Rakyat, memang saya tak suka sangat masuk dalam pertikaman lidah yang tak membawa hasil. Lebih baik fokus kepada isu rakyat dan berhujah dengan fakta bila perlu. Drama politik ini tak selesaikan masalah.

Tak dapat dinafikan kadangkala ada insiden provokasi di Parlimen.

Bila pembangkang fitnah atau mengelirukan dewan, *backbenchers* kerajaan akan bangun dan pertahankan. Bagi saya semua ada peranan masing-masing.

YB sebelum ini ada mengetengahkan isu mengenai gangguan seksual termasuk mendedahkan pernah menjadi mangsa. Bagaimana YB melihat isu tersebut kini, lebih-lebih lagi dengan perkembangan teknologi?

Gangguan seksual memang isu serius. Dengan teknologi sekarang, cabarannya makin besar, sebab ada media sosial dan macam-macam platform lain. Saya akan terus bersuara untuk memastikan undang-undang lebih tegas dan kesedaran masyarakat tentang isu ini makin tinggi.

Undang-undang sahaja tidak cukup, kalau tiada kesedaran awam. Tetapi saya yakin, warganet kalau main peranan, boleh guna kuasa viral (tular) untuk kecam dan laporkan tindakan jenayah seksual ini kepada pihak berkuasa.

Pendapat YB mengenai anak-anak muda khususnya wanita yang mahu menjadi seperti YB untuk bergelar wakil rakyat?

Saya nak tengok lebih ramai wanita muda berani ceburi politik. Memang cabarannya besar, tapi bila ada semangat dan sokongan, kita boleh buat perubahan. Jangan takut mencabar norma, sebab suara wanita sangat penting dalam politik. Mula dari bawah, sertai program-program politik sertai sukarelawan, belajar selok-belok pentadbiran dan pengurusan program, insya-Allah ada peluang untuk asah bakat menjadi pemimpin.


YB pernah juga dilabel sebagai pengkhianat Melayu. Apakah ia masih diungkapkan? Apa yang YB ingin perkatakan mengenai isu melabel sebegini?

Orang akan cakap apa saja, tapi saya tak ambil hati. Bagi saya, kerja saya adalah untuk semua rakyat Malaysia, tak kira bangsa atau agama. Yang penting, kita buat yang terbaik dan jaga integriti.

Warga Bentong berpuas hati dengan perkhidmatan YB selaku wakil rakyat? Apa kad laporan YB untuk warga Bentong?

Saya sentiasa cuba buat yang terbaik untuk warga Bentong. Fokus utama saya adalah isu infrastruktur, bencana alam seperti banjir, isu kesihatan serta kebajikan rakyat. Setakat ini, saya mendapat maklum balas positif tapi saya sedar masih banyak lagi yang boleh diperbaiki.

PRU16, apa yang YB hendak perkatakan mengenainya? Apakah PH masih sesuai bersama BN dan parti-parti lain atau sebaliknya?

PRU16 nanti, kita serahkan kepada rakyat untuk buat penilaian. Saya rasa kerjasama PH-BN ini masih relevan, tapi formula kena terus diperhalusi. Yang penting, kita semua letak rakyat sebagai keutamaan, bukan kepentingan kuasa. 



PA Desa Rejang pernah alami kerosakan

ZALIHHA PANTAU GANTIAN LIF

ISU melibatkan penyelenggaraan lif di Blok D, Perumahan Awam (PA) Desa Rejang sedang diselesaikan apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyatakan komitmen untuk membaik pulih kemudahan tersebut dan telah melantik kontraktor bagi tujuan berkenaan.

Kejadian lif *overshoot* di Blok D itu telah menyebabkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengarahkan penutupan dua unit lif di Blok D sementara satu unit dalam pelaksanaan penggantian.

Perkara berkenaan turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan telah membuat lawatan ke PA Desa Rejang pada Jumaat lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya akan membuat pemantauan terhadap proses penggantian unit lif bagi

memudahkan penduduk di kawasan tersebut.

"Saya telah mengiringi Perdana Menteri ke PA Desa Rejang yang baru-baru ini mengalami kerosakan lif hingga membelenggu penghuni.

"Alhamdulillah, satu unit lif selesai dibaiki oleh DBKL dan telah pun dibuka untuk kegunaan penduduk, manakala dua unit lagi dalam proses penggantian fasa ke-2," katanya ketika ditemui Wilayahku Jumaat lalu.

Jelasnya, untuk fasa kedua ini, beliau akan pantau proses penggantian dan memastikan pelaksanaannya dipercepatkan.

"Dalam masa yang sama, saya juga arahkan DBKL untuk mencari solusi jangka panjang berkenaan isu-isu lif di PA dan Program Perumahan Rakyat (PPR) serta melihat kembali peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan (MC) dalam isu ini," katanya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau keadaan lif PA Desa Rejang diiringi oleh Zaliha.

PA Desa Rejang berada di dalam kawasan Parlimen Setiawangsa, terdiri daripada 12 blok dengan ketinggian di antara 17 ke 19 tingkat dan jumlah unit sebanyak 2,791.

Sebanyak 1,662 unit kediaman dijual manakala baki 1,129 unit yang disewakan oleh DBKL kepada orang awam.

Kawasan perumahan itu

mempunyai 38 lif secara keseluruhan dan 18 unit sedang diganti, sementara 14 unit daripada 20 lif berfungsi dengan baik pada masa ini.



Roboh struktur tambahan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merobohkan sembilan buah struktur tambahan yang menutup longkang dan laluan awam dalam satu operasi pada Isnin.

Dalam hantaran di laman Facebook, DBKL berkata dua buah premis lagi telah membuka struktur tambahan yang dibina itu sendiri.

"Sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta telah dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur yang dirobuhkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi.

"Manakala kesemua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi,"

kata pihak DBKL.

Menurutnya, operasi yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Integriti, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Pejabat Cawangan Bukit Bintang telah melaksanakan operasi bersepadu robah struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang.

"Antara agensi sahabat yang turut terlibat dalam operasi tersebut adalah Polis Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam serta Alam Flora," katanya.

Dalam perkembangan lain, operasi bersepadu robah struktur haram di rizab jalan awam dan sitaan barangan

perniagaan yang diletakkan di tempat awam turut dilakukan di kawasan Segambut 5 Januari lalu.

"Hasil daripada operasi yang dijalankan, 10 unit premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan menutup laluan awam telah dirobuhkan. Dua lagi pemilik premis telah berjanji untuk membuka sendiri struktur sambungan di premis mereka serta membersihkan semua halangan di tempat awam.

"Selain itu, sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta telah dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan perniagaan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta satu notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016," ujarnya.

PENAMATAN PERKHIDMATAN APLIKASI JOMPARKING DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR BERMULA 1 JANUARI 2025

Kredit sedia ada dalam Aplikasi JomParking masih boleh digunakan di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan lain yang menyokong aplikasi tersebut

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Aplikasi JomParking, sila hubungi pihak pembekal melalui: 013-2401233 | support@jomparking.com

CAJ TEMPAT LETAK KERETA (TLK) DI WPKL BERMULA 1 JANUARI 2025

BAYARAN SECARA DALAM TALIAN MENGGUNAKAN APLIKASI MUDAH ALIH & E-WALLET

EZ KL Smart Park, Flexi Parking, Touch 'nGo eWallet, Boost, M-Cash, Ekupon



Hala tuju lebih proaktif

PENDIDIKAN FOKUS UTAMA YWP

Boleh Dr kongsikan perancangan YWP untuk tahun 2025?

Selaras usaha Kerajaan MADANI untuk memperkasa aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), YWP sedang merangka inisiatif baharu yang akan memberi tumpuan kepada latihan kemahiran dan pendidikan, supaya penerima bantuan dapat membina kehidupan yang lebih mampan.

Sejak tahun lalu kita berkolaborasi dengan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara untuk memberikan kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang teknikal dan vokasional kepada pelatih selain menjamin penempatan kerja dengan pelbagai agensi berkaitan.

MEMASUKI tahun ke-39 penubuhannya, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited membantu menaik taraf hidup golongan berpendapatan rendah (B40) dan yang memerlukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) menjadi penanda dalam perkhidmatan dan gerak kerja. Sempena tahun 2025, perancangan lebih jitu telah dirangka bagi mencapai sasaran untuk membantu lebih ramai golongan yang memerlukan sekali gus menyahut misi kerajaan dalam menoktahkan miskin bandar.

Bagi menyelami lebih lanjut hala tuju YWP, ikuti temu bual eksklusif wartawan Wilayahku, **DIANA AMIR** bersama Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **DR ABDUL BASIR V KUNHIMOHAMED**.

Selain itu, YWP merancang untuk memperluaskan bantuan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan keluarga yang memerlukan. Tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan lagi keberkesanan program yang sedia ada seperti bantuan kewangan dan bantuan keperluan asas.

Keluarga B40 berdepan komitmen tinggi bukan sahaja untuk perbelanjaan sesi persekolahan bahkan sambutan Ramadan dan Aidilfitri juga dalam masa terdekat. Bagaimana pendekatan yang dicadang YWP?

YWP akan menyalurkan bantuan persekolahan lebih awal untuk memastikan keluarga B40 mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan kelengkapan anak-anak mereka. Bantuan tersebut akan merangkumi buku sekolah, pakaian sukan dan kokurikulum serta yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Bantuan ini akan disalurkan terus ke akaun PIBG agar setiap pengeluaran kepada pelajar yang layak, disahkan oleh pihak sekolah. Sementara itu, kami juga sedang mempertimbangkan pemberian bantuan khusus untuk persiapan Aidilfitri bagi meringankan beban kewangan mereka.

Apakah bantuan lain yang akan turut diberi tumpuan tahun ini?

Walaupun pendidikan menjadi keutamaan YWP, namun kami turut memperluas fokus bantuan kepada sektor kesihatan dan kebajikan kerana pada tahun lalu ramai yang memohon bantuan perubatan seperti kerusi roda dan sebagainya. Selain itu terdapat juga yang tidak mampu membayar kos perubatan terutama dialisis, kami menerima permohonan yang banyak untuk itu, jadi kami akan tambah baik bantuan tersebut supaya lebih ramai dapat dibantu. Bantuan ini termasuk juga program sokongan mental untuk golongan yang memerlukan.

Dalam pada itu, kami sedang merangka program pemerkasaan ekonomi yang melibatkan latihan keusahawanan dan kemahiran bagi membantu penerima mengukuhkan kedudukan ekonomi keluarga mereka.

Apakah inisiatif YWP untuk menarik lebih banyak agensi atau syarikat sama-sama menyumbang dengan YWP?

YWP akan melancarkan beberapa inisiatif seperti Kempen Bersama Membantu yang menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menyumbang melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan pempengaruh.

Kami juga bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta untuk menganjurkan pelbagai acara amal seperti larian, semua hasil yang

diperolehi akan disalurkan kepada golongan memerlukan.

Selain itu, YWP turut bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang membayar wakalah. Kami menyediakan pengecualian cukai serta liputan media untuk mereka yang menyumbang ke tabung YWP. Sehingga kini kami sudah mempunyai beberapa rakan strategik seperti Maybank, Tabung Haji, Exim Bank serta beberapa agensi korporat.

Apakah perancangan YWP bersempena Ramadan akan datang?

YWP bercadang untuk melancarkan satu platform sumbangan mikro secara atas talian sempena Ramadan. Platform ini akan membolehkan orang ramai menyumbang wang tunai serendah RM2. Setiap sumbangan juga akan mendapat resit pengecualian cukai yang dijana secara atas talian. Dengan adanya platform ini, kami berharap dapat mempermudah proses penyaluran sumbangan kepada golongan yang layak dengan lebih cepat dan efisien.

Selain itu, kami merancang untuk mengadakan Karnival Aidilfitri yang menghimpunkan usahawan-usahawan bagi jualan kelengkapan raya di satu tempat namun itu masih dalam perancangan.

Boleh Dr kongsikan status terkini berkenaan perancangan YWP untuk membuka cawangan di Labuan?


Setakat ini, perancangan YWP ke arah itu sudah mencapai 20 peratus dan kami menjangka cawangan Labuan akan mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2025.

Pada awalnya ia hanya cadangan bagi memudahkan penduduk Labuan mendapatkan maklumat terkini berkenaan bantuan di bawah YWP dan pada masa ini kita bekerja rapat dengan rakan strategik seperti Perbadanan Labuan (PL), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) serta syarikat korporat yang memberi sumbangan kepada YWP bagi menyerahkan bantuan. Alhamdulillah perkara ini disambut baik oleh pihak Perbadanan Labuan dan kami sedang bekerjasama untuk menjadikan ia kenyataan.

Untuk makluman, cawangan ini akan beroperasi seperti Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) yang terdapat di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Kuala Lumpur yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti bantuan pendidikan, program kemahiran serta bantuan kebajikan untuk komuniti setempat.

Apa harapan Dr untuk tahun 2025?

Harapan saya agar YWP terus menjadi peneraju dalam memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan, terutamanya dalam kalangan B40 di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Saya berharap bantuan ini bukan sahaja dapat mengurangkan beban kewangan mereka, tetapi juga membantu membina masa depan yang lebih cerah dan stabil.

Saya juga mengharapkan agar lebih banyak pihak swasta dan awam dapat bekerjasama dengan YWP dalam menjayakan inisiatif-inisiatif kebajikan yang telah dirancang. 






Bil 296 . 10 - 16 JANUARI 2025

TRAGEDI DISEMBER

►►10-11



TIADA ISTILAH KAPAL TERBANG 'LAMA'

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

PADA tahun 2014, Malaysia dikejutkan dengan dua insiden terburuk dalam sejarah penerbangan negara iaitu kehilangan pesawat MH370 dan insiden kapal terbang MH17 terhempas dalam perjalanan ke KLIA selepas ditembak oleh peluru berpandu Russia yang menjadi buaian seluruh dunia.

Sedekad berlalu, igauan buruk kembali menerpa orang ramai apabila empat nahas pesawat berlaku sejak 25 sehingga 29 Disember lalu sekali gus mengubah penghujung tahun 2024 sebagai babak tragik bagi penerbangan global.

Susulan tragedi berturut-turut itu, Jeju Air Co. mendedahkan bahawa sebanyak 68,000 tempahan penerbangan telah dibatalkan selepas insiden berkenaan menunjukkan kebimbangan orang ramai terhadap keselamatan penerbangan terus meningkat.

Menurut Ketua Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Automotif dan Samudera, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Haris Ahmad Israr Ahmad**, untuk meningkatkan keselamatan dan kebolehpercayaan dalam industri penerbangan, peraturan yang lebih ketat, kemajuan teknologi dan penyelidikan yang berterusan harus dilakukan.

"Pengeluar kapal terbang perlu melabur dalam penyelidikan tentang sistem kawalan penerbangan dengan bantuan kecerdasan buatan (AI) untuk mengurangkan kesilapan juruterbang.

"Penyelidikan di dalam penggunaan bahan pintar juga amat digalakkan seperti menggunakan



HARIS AHMAD

bahan yang boleh menyembuhkan sendiri retakan kecil terutama tekanan tinggi seperti bahagian pangkal sayap dan juga bahagian sambungan badan pesawat yang sering terdedah kepada keretakan disebabkan kelesuan," katanya.

Haris Ahmad berkata, kapal terbang juga perlu dilengkapi dengan penggunaan sensor internet pelbagai benda (IoT) untuk memantau sistem dalam masa nyata dan untuk meramalkan kegagalan dengan mengintegrasikan teknologi AI.

PENSIJILAN KELAYAKAN

BERKONGSI lanjut, Haris Ahmad berkata sejauh mana sesebuah pesawat itu dinilai untuk terbang adalah bergantung pada pensijilan kelayakan udara yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa penerbangan.

"Pensijilan ini memastikan pesawat memenuhi piawaian keselamatan yang ketat dan sesuai untuk operasi dalam keadaan tertentu.

"Pesawat dinilai dengan teliti untuk penerbangan, tetapi kesilapan teknikal masih boleh berlaku atas faktor-faktor seperti kesilapan dalam penyelenggaraan, kesilapan manusia atau keadaan yang tidak dijangka.

"Dengan mengguna pakai teknologi termaju, meningkatkan latihan dan mematuhi piawaian kawal selia dengan tegas, industri penerbangan boleh mengurangkan kesilapan teknikal sekali gus meningkatkan keselamatan keseluruhan," ujarnya.

Menjawab persoalan yang tular susulan nahas penerbangan yang berlaku berturut-turut pada



Disember lalu, Haris Ahmad berkata, pandangan bahawa kebanyakan kapal terbang yang telah 'tamat tempoh' atau 'lama' sebagai punca kemalangan penerbangan adalah terlalu mudah.

"Keselamatan kapal terbang ditentukan oleh jadual penyelenggaraan yang ketat, pemeriksaan berkala dan mematuhan kepada peraturan yang ketat, bukan hanya mengikut umur pesawat.

"Untuk makluman, kapal terbang komersial direka untuk memberi perkhidmatan yang panjang menjangkau 20 hingga 30 tahun. Apabila ia meningkat usia, kerangka dan komponen kapal terbang tersebut akan menjalani pemeriksaan terperinci dan akan diganti mengikut keperluan.

"Selain itu, syarikat penerbangan juga dikehendaki mematuhi jadual penyelenggaraan yang ketat, termasuk menggantikan alat ganti mengikut masa dan menangani isu haus dan lusuh yang telah ditetapkan oleh pengeluar kapal terbang.

"Walaupun kapal terbang baru mempunyai sistem keselamatan dan kecekapan bahan api yang lebih maju, kapal terbang lama yang

diselenggara dengan betul dan mematuhi peraturan keselamatan umumnya juga selamat untuk beroperasi," ujarnya.

Jelasnya lagi penyelenggaraan kapal terbang secara dasarnya melibatkan banyak perkara utama yang perlu dititikberatkan seperti integriti struktur, sistem pendorongan, sistem avionik, sistem gear pendaratan, tenaga kerja yang mahir, penyimpanan rekod penyelenggaraan dan banyak lagi.

"Ia adalah proses multidimensi yang memerlukan pemeriksaan yang teliti, mematuhan kepada peraturan dan penggunaan teknologi moden yang dapat membantu kerja-kerja penyelenggaraan," katanya.

RENDAH RISIKO KEMATIAN

INSIDEN demi insiden yang berlaku secara tidak langsung menimbulkan ketakutan dan fobia dalam kalangan penumpang kapal terbang.

Haris Ahmad berkata, setiap kemalangan pesawat adalah unik, sama ada menjunam, pertembungan atau pendaratan dalam air, jadi sebenarnya tiada tempat duduk yang benar-benar selamat.

"Idea tempat duduk pesawat tertentu menjadi 'lebih berisiko' atau 'kurang berisiko' adalah berdasarkan analisis statistik kemalangan penerbangan.

"Walaupun setiap bahagian kapal terbang direka bentuk dengan mengambil kira keselamatan, antara sebab tempat duduk belakang sering dianggap kurang berisiko adalah sekiranya berlaku nahas, bahagian hadapan pesawat selalunya menanggung impak yang teruk, manakala bahagian belakang cenderung mengalami kurang daya.

"Selain itu, tangki bahan api terletak pada bahagian sayap, oleh itu tempat duduk yang terletak lebih jauh (ke arah belakang) boleh mengurangkan risiko sekiranya berlaku kebakaran atau letupan.

"Antara tip selamat lain yang boleh saya kongsi adalah ketahui lokasi pintu keluar kecemasan terdekat dan cara mengendalikannya, pilih tempat duduk lorong menyediakan akses yang lebih mudah ke pintu keluar, berguna semasa kecemasan dan seterusnya pastikan tali pinggang keledar diikat dengan kemas semasa duduk, walaupun apabila tanda tali pinggang keledar dimatikan," ujarnya.


MENCALAR KEPERCAYAAN

Mengulas lanjut, Haris Ahmad berkata, setiap tragedi penerbangan pastinya memberi impak jangka pendek dan panjang.

"Dari segi impak jangka pendek, kos operasi syarikat meningkat dengan mendadak disebabkan bayaran balik untuk penerbangan yang dibatalkan. Reputasi syarikat penerbangan juga tercalar dengan kemalangan yang berlaku dan ini memerlukan pelaburan yang besar untuk membina semula kepercayaan orang ramai.

"Selain itu, pemeriksaan dan audit yang dipertingkatkan boleh menyebabkan kelewatan dan pembatalan penerbangan yang telah dijadualkan.

"Dari segi jangka panjang pula, pihak berkuasa boleh mengenakan peraturan baharu mengenai penyelenggaraan, pemeriksaan dan latihan juruterbang. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kos operasi syarikat dan ia termasuk aspek strategi pemuliharaan kerana syarikat penerbangan mungkin menawarkan diskaun, ganjaran kesetiaan atau perkhidmatan yang dipertingkatkan untuk menarik penumpang kembali.

"Akhir sekali, jika insiden melibatkan kerosakan teknikal, pengeluar seperti Boeing atau Airbus mungkin perlu membuat penelitian dan ini akan membawa kepada kelewatan dalam pesanan kerana permintaan untuk kapal terbang dengan ciri keselamatan yang lebih baik mungkin meningkat," katanya. 



Tragedi PENERBANGAN GLOBAL AKHIRI TAHUN 2024



AZERBAIJAN AIRLINES Penerbangan 8243


Pesawat: Embraer 190AR

Lokasi: Aktau, Kazakhstan

Tarikh: 25 Disember 2024

Jumlah korban: 38 maut, 29 penumpang terselamat

Punca nahas: Laporan awal dakwa telah ditembak jatuh oleh Rusia.



AIR CANADA Penerbangan AC2259

Pesawat: De Havilland DHC-8-402

Lokasi: Lapangan Terbang Antarabangsa Halifax Stanfield di Nova Scotia, Kanada

Tarikh: 28 Disember 2024

Jumlah korban: Tiada. Kesemua 73 penumpang terselamat

Punca nahas: Laporan awal menyebut tentang masalah pada gear pendaratan.



KLM Penerbangan KL1204

Pesawat: Boeing 737-800

Lokasi: Lapangan Terbang Torp Sandefjord, kira-kira 150km di selatan Oslo

Tarikh: 28 Disember 2024

Jumlah korban: Tiada. Kesemua 176 penumpang dan 6 kru selamat

Punca nahas: Laporan awal menyebut ia terpaksa mendarat cemas setelah 'bunyi kuat' dikesan pada kabin sejurus berlepas dari Oslo menuju ke Amsterdam.



JEJU AIR Penerbangan 7C2216

Pesawat: Boeing 737-800

Lokasi: Lapangan Terbang Antarabangsa Muan, Korea Selatan

Tarikh: 29 Disember 2024

Jumlah korban: 179 maut, 2 terselamat

Punca nahas: Laporan awal dakwa dilanggar burung, siasatan masih dijalankan.

Tubuh melambung

TIADA apa yang mampu diungkapkan, hanya rasa syukur kerana pada akhirnya dapat juga tiba di bumi Makkah Al-Mukaramah selepas pesawat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke Jeddah terpaksa berpatah balik kerana mengalami masalah teknikal.

Alissa Hanis, 28, yang berkongsi detik-detik cemas itu berkata, pesawat berkenaan hanya berlegar-legar di udara walaupun sudah hampir dua jam berlepas.

"Saya tengok paparan penerbangan, pesawat ini pusing-pusing di kawasan Langkawi dan mula rasa tak ok.

"Saya dengar ada seorang makcik yang menangis. Saya hanya mampu berzikir dan berdoa agar dipermudahkan segala urusan. Selepas dua jam, barulah juruterbang memaklumkan akan berpatah balik.

"Masa pendaratan kecemasan itu, memang lain sangat. Tiba-tiba brek dan bukan berhenti di terminal macam biasa. Saya nampak jurutera datang dan selepas itu kami dimaklumkan situasi sebenar iaitu terdapat masalah teknikal.

"Kami semua diberikan penginapan di sebuah hotel di Shah Alam dan bertolak semula ke lapangan terbang pada pukul 3.30 pagi kerana penerbangan kami adalah pada pukul 9 pagi. Alhamdulillah, semuanya ok.

"Terima kasih kepada pihak penerbangan yang memberi



IDA FATIHA

penginapan, sedikit sebanyak membantu jemaah-jemaah ini supaya tidak kelim-kabut dalam menghadapi situasi seperti ini. Walaupun ini bukan kali pertama situasi begini berlaku, namun perkara yang melibatkan teknikal seperti ini sukar dijangka," katanya.

Seorang penumpang dari Shah Alam, Faridah Abdullah, 60, turut berkongsi pengalaman di mana mengakui ada terbau seperti minyak semasa dalam pesawat.

"Terdetik juga dalam hati, bau apa macam ini, tayar ke sebab pesawat itu asyik bergegar-gegar, tapi saya tak adalah takut, tawakal saja.

"Bila juruterbang cakap nak patah balik, terkejut juga. Saya hanya mampu bercakap dalam hati, mungkin belum tiba masanya saya nak ke Tanah Suci lagi.

"Hanya Tuhan yang mengetahui apa yang terpendam di lubuk hatinya. Walau apapun, saya serahkan kepada Allah SWT. Bila sampai sahaja di lapangan terbang Jeddah, saya rasa lega dan syukur. Saya terus berpelukan dengan adik perempuan saya, semua yang jadi kehendak-Nya dan kami reda," katanya.

Selain itu, seorang penumpang wanita, Ida Fatiha, 43, menceritakan detik cemas ketika dia menaiki kapal terbang apabila pesawat yang dinaikinya itu tiba-tiba turun dari ketinggian 25,000 kaki kepada

23,000 kaki hanya dalam beberapa saat.

Menurut perkongsiannya, pada ketika itu dia menaiki pesawat dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur ke Tawau pada pukul 4.30 petang di mana kejadian itu berlaku selepas 30 minit berlepas dari lapangan terbang.

"Saya tidak menggunakan tali pinggang keledar pesawat semasa kejadian kerana isyarat penggunaan alat keselamatan itu telah dipadamkan ketika itu, merasa seperti terlambung-lambung ekor pesawat secara tiba-tiba kehilangan altitud ketinggian hanya dalam beberapa saat.

"Saya terlambung-lambung sebab tidak pakai tali keledar. Lebih kurang 10 minit pesawat berada dalam keadaan tidak stabil dan lepas naik balik, pesawat jatuh lagi tetapi tidak teruk macam waktu kali pertama. Penumpang lain ada yang menjerit dan ada juga yang menangis. Memang pada masa itu rasa macam akan mati dah," kongsiinya menceritakan perasaan ketika mengalami situasi cemas itu.

Dalam pada itu, Ida turut memuji kecekapan juruterbang dan krew pesawat yang berjaya mengendalikan pesawat berkenaan sewaktu tempoh cemas itu dengan baik dan berjaya mendaratkan semula pesawat tersebut tanpa berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

"Tidak semua orang akan mengalami pengalaman langsung seperti ini dan masih hidup untuk berkongsikan cerita ini, dan saya bersyukur kepada Allah," katanya. 🇲🇾

TRAGEDI PESAWAT YANG BERLAKU DI MALAYSIA

1. MH653



NAHAS pesawat terburuk pernah di Malaysia berlaku pada 4 Disember 1977, seramai 100 penumpang dan anak kapal maut apabila pesawat MH653 terhempas ke dalam paya, di Tanjung Kupang, Johor. Boeing 737-200 itu dilaporkan telah dirampas ketika turun menuju ke Lapangan Terbang Subang, kira-kira pukul 7.54 malam waktu penubuhannya. Pesawat tersebut meletup dan api menjulang tinggi serta membakar keseluruhan badan pesawat serta rumah penduduk berhampiran lokasi nahas. Seramai 34 orang disahkan rentung dan hasil siasatan mendapat nahas berpunca daripada kesilapan juruterbang manakala pesawat Fokker 50 dalam keadaan baik.

2. FOKKER 50



Pesawat Fokker 50 yang terhempas ketika cuba mendarat di Lapangan Terbang Tawau pada 15 September 1995 adalah tragedi kedua membabitkan syarikat penerbangan negara Penerbangan Malaysia (MAS) sepanjang penubuhannya. Pesawat tersebut meletup dan api menjulang tinggi serta membakar keseluruhan badan pesawat serta rumah penduduk berhampiran lokasi nahas. Seramai 34 orang disahkan rentung dan hasil siasatan mendapat nahas berpunca daripada kesilapan juruterbang manakala pesawat Fokker 50 dalam keadaan baik.

3. MH17



PESAWAT Malaysia Airlines jenis Boeing 777-200 yang dijadualkan berlepas dari Amsterdam ke Kuala Lumpur itu dipercayai telah terhempas berhampiran Torez di Donetsk Oblast, Ukraine, kira-kira 40 km (25 batu) dari sempadan Rusia dan ia didakwa telah ditembak jatuh oleh peluru berpandu permukaan ke udara jenis Buk semasa berada pada ketinggian 10,000 meter (33,000 kaki). Kesemua 298 penumpang yang tidak bersalah terbunuh kerana sewaktu itu peperangan antara pemberontak pemisah dan kerajaan Ukraine sedang berlaku. Pada tahun 2022, mahkamah Belanda mendapati tiga lelaki bersalah kerana membunuh dan menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas rakyat Rusia, Igor Girkin, Sergey Dubinsky dan rakyat Ukraine, Leonid Kharchenko.

4. MH370



MALAYSIA Airlines 370 yang membawa seramai 239 penumpang dari Kuala Lumpur ke Beijing secara tiba-tiba telah hilang dari radar pada 8 Mac 2014. Sehingga hari ini, kehilangan kapal terbang masih menjadi misteri dan menyebabkan pelbagai teori tular di media sosial. Komunikasi terakhir pesawat ini dengan menara kawalan trafik adalah 38 minit selepas perlepasan ketika ia berada di atas Laut Cina Selatan. Melalui sistem radar utama tentera Malaysia, dapat dilihat pesawat ini telah menukar arah dari laluan sebenar. Pencarian kapal terbang ini juga telah menjadi pencarian termahal dalam sejarah penerbangan di mana fokus pencarian dibuat di Laut Cina Selatan dan Lautan Andaman.

5. PESAWAT ELMINA



TRAGEDI 17 Ogos 2023 ini mengorbankan 10 individu termasuk lapan penumpang yang dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, Selangor. Turut maut seorang pemandu e-hailing dan seorang penunggang motosikal (p-hailing). Pesawat tersebut terhempas dua minit sebelum jadual mendarat iaitu pukul 2.50 petang. Laporan akhir mendedahkan nahas berpunca daripada masalah protokol membabitkan peluasan tidak sengaja lift dump spoiler.



MENGHARAI SINAR 2025




SHUAIB AYOB
FOTO: JKP YWP MEDIA

RIBUAN pengunjung hadir memeriahkan Dataran Putrajaya yang berlatarkan pemetaan cahaya di Istana Kehakiman sambil menantikan persembahan bunga api detik 12 tengah malam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim mengambil kesempatan melawat kawasan

pameran lampu hiasan dan aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan tahun baru 2025.

Pengunjung juga dihiburkan dengan persembahan daripada Ziana Zain, Hazama dan Amir Masdi.

Turut menjadi perhatian adalah persembahan kawad senyap oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada sambutan yang diadakan bersekali dengan Festival LAMPU 2024, ketika ambang tahun baharu baru-baru ini. 

AP



UMRAH DIY ANCAM PENGENDALI

DIANA AMIR

MENGUNJUNGI Tanah Haram untuk menunaikan umrah sudah pastinya menjadi impian setiap Muslim. Namun tidak semua yang berkesempatan disebabkan pelbagai faktor antaranya pakej ditawarkan agensi umrah di luar kemampuan.

Dek kerana itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini ramai yang memilih untuk merancang perjalanan umrah secara *Do-It-Yourself* (DIY) tanpa perlu bergantung kepada agensi pelancongan serta pakej yang ditawarkan.

Tidak dinafikan trend tersebut menjadi cabaran besar terhadap agensi pengendali umrah masa kini sekali gus tempahan kepada agensi mencatatkan penurunan kerana persaingan dari segi harga.

Memberi pandangan tentang perkara tersebut, Ketua Operasi Family International Travel & Tours, **Luqman Hakim Zaharuddin** berkata, kewujudan trend tersebut memerlukan pengendali umrah menjadi lebih inovatif dalam menyesuaikan perkhidmatan ditawarkan dengan kehendak jemaah masa kini.

"Antara faktor ramai jemaah memilih umrah DIY kerana mereka tidak perlu terikat dengan jadual dan memiliki kelonggaran untuk bergerak mengikut masa masing-masing.

"Bagaimanapun agensi

pelancongan tidak boleh mengekang jemaah berbuat demikian kerana ia adalah pilihan pelanggan," ujarnya kepada Wilayahku.

Bagi bersaing secara sihat, Luqman Hakim berkata antara langkah yang dilakukan pihaknya adalah dengan memanfaatkan teknologi sedia ada dalam mempromosi pakej yang ditawarkan bagi menarik lebih ramai pelanggan.

"Saya percaya masih ramai yang memerlukan khidmat pengendali umrah terutama mereka yang mahukan *private trip* bersama keluarga terutama yang mempunyai anak kecil atau warga emas.

"Selain itu, antara langkah lain bagi memastikan pelanggan memilih pakej umrah bersama pengendali adalah dengan menyediakan pakej khusus, fleksibel dan berpatutan selain memberi penekanan pada pengalaman berbeza juga peningkatan perkhidmatan serta nilai tambah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata perbezaan cabaran bagi pengendali umrah berbanding dengan cabang perniagaan yang lain adalah melibatkan kos yang sangat besar.

"Untuk perniagaan makanan, pakaian dan sebagainya pelanggan boleh terus memilih untuk membeli produk tersebut, berbeza kami kerana ia melibatkan harga



JEMAAH umrah yang mengikuti pakej di bawah Family Travel baru-baru ini.

ribuan ringgit di mana pelanggan perlu berfikir banyak kali untuk menentukan pakej yang terbaik.


"Kami faham situasi tersebut dan kerana itu kami cuba untuk menawarkan pakej dengan harga yang mampu milik dalam masa sama mempunyai kualiti tersendiri," jelasnya yang mempunyai petugas di Madinah dan Makkah.

Berkongsi perancangan akan

datang, Luqman Hakim berkata mereka menasaskan lebih ramai jemaah pada tahun 2025.

"Kini syarikat yang menawarkan pakej umrah tumbuh bagaikan cendawan, jadi kita perlu kerja dengan lebih keras dari sudut pemasaran secara *offline* mahupun *online*.

"Kami juga dalam perancangan untuk menawarkan pakej umrah

ziarah mungkin ke Mesir atau Turki agar para jemaah dapat melawat dua ke tiga negara dalam satu masa. Selain itu, kami juga menambah baik perkhidmatan untuk *private trip* kerana pada masa ini lebih ramai yang memilih pakej tersebut bagi memudahkan bergerak bersama ahli keluarga dan mereka yang dikenali sahaja," ujar beliau. 

Kimchi, yogurt bantu jana pendapatan



PESERTA menunjukkan yogurt yang berjaya dihasilkan.

GOLONGAN ibu tunggal di luar bandar berupaya meningkatkan pendapatan keluarga serta memperbaiki taraf hidup menerusi penghasilan yogurt dan kimchi buatan Malaysia, yang sihat dan bernutrisi untuk pasaran setempat.

Naib Presiden Kanan Bahagian Sokongan Industri Bioeconomy Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation), **Nora Mohamed** dalam satu kenyataan berkata penghasilan produk makanan itu, mendapat sambutan baik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, sebagai permulaan, pihaknya melalui Program Kembara Komuniti bersama Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM), mengumpulkan 35 ibu tunggal yang diberi tunjuk ajar berkaitan cara penghasilan makanan itu.

"Usaha pemberdayaan ibu tunggal dilaksanakan melalui pembelajaran sains yang memfokuskan teknologi penapaian dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penghasilan makanan khususnya pembuatan yogurt dan kimchi.

"Peserta juga diberi pendedahan keusahawanan bagi membolehkan mereka mencipta peluang pendapatan yang mampan," katanya.

Terdahulu, Bioeconomy Corporation memaklumkan bahawa program yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Kampung Padang di Behrang, memberi peluang kepada peserta mempelajari kaedah terbaik penghasilan yogurt dan kimchi, menekankan penggunaan bahan segar seperti sayur-sayuran dan enzim rempah tempatan bagi menjaga keaslian kimchi buatan Malaysia.

Program itu turut disertai syarikat berstatus BioNexus, Bio Tree Biotechnology Sdn Bhd selaku penyedia latihan serta Alpro Pharmacy yang mengadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Nora berkata, program seumpama itu juga dilihat membantu golongan ibu tunggal menambah pengetahuan berhubung kaedah pengendalian, amalan kebersihan dan keselamatan makanan mengikut prosedur ditetapkan. - BERNAMA



BAHASA MELAYU HARUNGI EVOLUSI ERA DIGITAL

NORLIZA AMIN

BAHASA Melayu sebagai bahasa utama di Malaysia, mengalami pelbagai perubahan sejak berabad lamanya.

Dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga era penjajahan, bahasa ini telah menyerap pengaruh dari pelbagai bahasa seperti Arab, Sanskrit, Portugis dan Inggeris.

Namun dengan ledakan teknologi digital dalam abad ke-21, perubahan terhadap bahasa Melayu menjadi lebih pesat dan dinamik. Revolusi ini bukan sahaja melibatkan penambahan perkataan baharu,

tetapi juga cara penggunaan, penyebaran dan penerimaan bahasa dalam kalangan masyarakat.

Dalam dekad terakhir, peningkatan penggunaan Internet dan media sosial telah mengubah landskap komunikasi global, termasuk di Malaysia. Penggunaan aplikasi seperti WhatsApp, X, Facebook dan Instagram telah mencetuskan fenomena baru dalam penggunaan bahasa Melayu. Bahasa yang dahulunya digunakan dalam konteks formal kini turut diadaptasi dalam bentuk yang lebih ringkas dan tidak rasmi untuk memenuhi kehendak komunikasi yang pantas. Penggunaan singkatan seperti 'brb' (*be right back*), 'btw' (*by the way*) dan 'lol' (*laughing out loud*) mula mendapat tempat dalam perbualan harian dan ini menunjukkan perkataan bahasa Inggeris diterjemah atau diserap secara langsung ke dalam bahasa Melayu.

Tambahan pula, istilah teknologi yang berkaitan dunia digital, seperti log masuk (*login*), muat naik (*upload*), muat turun

(*download*) dan pautan (*link*) menjadi sebahagian daripada perkataan harian pengguna bahasa Melayu. Pengaruh bahasa Inggeris dalam teknologi ini begitu ketara. Banyak istilah baharu yang tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu diambil terus daripada bahasa Inggeris atau diMelayukan secara fonetik.

PENYERAPAN ISTILAH GLOBAL

DALAM era digital, penggunaan singkatan dan akronim menjadi kebiasaan. Hal ini berlaku kerana keperluan untuk menyampaikan mesej dengan cepat dan ringkas. Perkataan-perkataan yang dulunya panjang kini dipendekkan, seperti 'TQ' untuk terima kasih; 'gudnite' untuk selamat malam dan 'sori' untuk maaf. Di samping itu, perubahan ini didorong oleh had jumlah aksara dalam aplikasi seperti X, yang menghadkan penggunaan 280 aksara bagi setiap kiriman, menyebabkan pengguna memendekkan ayat dan perkataan untuk memaksimumkan maklumat dalam ruang yang terhad.

Penggunaan akronim juga semakin meluas dalam kalangan generasi muda yang aktif menggunakan platform digital. Istilah seperti 'OOTD', (*outfit of the day*) dan 'PM' (*private message*), sering kali digunakan penutur bahasa Melayu, menunjukkan penerimaan yang luas terhadap percampuran bahasa dalam konteks digital.

Selain itu, dalam dunia yang semakin global, bahasa Melayu tidak terlepas daripada pengaruh bahasa-bahasa asing lain. Istilah seperti 'influencer', 'viral' dan 'content creator' telah menjadi sebahagian daripada bahasa harian. Hal ini menunjukkan fenomena

global seperti media sosial bukan sahaja mempengaruhi cara orang berkomunikasi, tetapi juga memperkenalkan istilah baharu yang menjadi sebahagian daripada leksikon tempatan.

Namun, terdapat usaha oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memperkenalkan terjemahan rasmi bagi istilah baharu ini. Sebagai contoh, DBP memperkenalkan istilah 'influencer', tetapi penggunaannya masih kurang meluas berbanding istilah asal. Keadaan ini menunjukkan bahawa penerimaan istilah baharu dalam kalangan masyarakat lebih cenderung kepada istilah global yang lebih mudah difahami dan diterima.

Pengaruh media sosial dalam membentuk evolusi bahasa Melayu tidak boleh diabaikan. Platform seperti TikTok dan Instagram bukan sahaja mempengaruhi gaya hidup tetapi juga cara orang berkomunikasi. Melalui video pendek dan kiriman visual, pengguna sering kali mencipta dan menggunakan slanga yang kemudian menjadi popular dalam kalangan netizen.

Slanga seperti 'padu', 'mood', 'chill' dan 'squad' merupakan contoh perkataan yang mendapat tempat dalam perkataan harian generasi muda. Di samping itu, perubahan ini bukan hanya terbatas kepada perkataan, tetapi juga penggunaan bahasa dalam konteks tertentu.

Sebagai contoh, 'padu' pada asalnya bermaksud sesuatu yang kukuh, tetapi kini ia digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang hebat atau mengagumkan. Fenomena ini menunjukkan makna perkataan boleh berubah dan berkembang mengikut konteks penggunaan dalam platform digital. Begitu juga dengan perkataan 'viral' yang pada asalnya merujuk kepada penyebaran virus dalam konteks biologi, kini merujuk kepada penyebaran pantas kandungan dalam talian.

KEBIMBANGAN TERHADAP KELESTARIAN

WALAUPUN perubahan ini mencerminkan dinamik bahasa yang hidup dan berkembang, terdapat kebimbangan dalam kalangan pejuang bahasa tentang masa depan bahasa Melayu.


Penggunaan bahasa rojak dalam bahasa Melayu dicampur dengan bahasa Inggeris telah menjadi satu norma dalam komunikasi harian, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Ini menimbulkan kebimbangan bahawa identiti dan keaslian bahasa Melayu akan terhakis sekiranya trend ini berterusan.

DBP berusaha untuk mengekalkan kesucian bahasa Melayu melalui pelbagai kempen dan usaha pembakuan bahasa. Namun, dalam dunia digital yang berkembang pesat, sukar untuk mengawal evolusi bahasa yang berlaku secara organik dalam kalangan pengguna.

Evolusi perkataan dalam bahasa Melayu dalam era digital menunjukkan betapa dinamiknyanya bahasa ini dalam menghadapi cabaran dunia moden. Pengaruh teknologi, media sosial dan globalisasi telah mempercepatkan proses perubahan ini. Walaupun terdapat kebimbangan tentang kehilangan identiti bahasa, evolusi ini juga menunjukkan bahawa bahasa Melayu mampu berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.

Namun, usaha untuk mengekalkan keunikan dan ketulenan bahasa Melayu perlu diteruskan agar bahasa ini kekal relevan dan berfungsi sebagai alat komunikasi yang efektif di peringkat nasional dan global.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PERDANA Menteri Singapura, Lawrence Wong, mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 6 dan 7 Januari 2025, sebagai sebahagian daripada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura ke-11 dan ketibaannya disambut di Kompleks Perdana Putra, diikuti dengan mesyuarat bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membincangkan hubungan dua hala. Kedua-dua pemimpin juga menyaksikan pertukaran dokumen penting termasuk Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan enam memorandum persefahaman dalam pelbagai bidang.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azidah Wan Ismail menghadiri Program Penyampaian Bantuan Bakul Makanan MADANI anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Dapoq Street Cheras, Bandar Tun Razak.




MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil hadir merasmikan Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2025 anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), dengan tema 'Leaping into the Quantum Frontier: Regulation and Innovation in the Tech Era'.


 SEMINGGU


MENTERI Digital, Gobind Singh Deo mengadakan kunjungan ke Pasar Pagi Taman Selayang Jaya bagi meraikan bahang kegembiraan menyambut Tahun Baru Cina bersama para peniaga dan pengunjung pasar berkenaan dan turut berkongsi rezeki menerusi edaran buah limau Mandarin.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) Wilayah Persekutuan, khusus membincangkan persediaan Wilayah Persekutuan sempena Kepengerusiaan ASEAN pada tahun ini.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerima kunjungan hormat Chief of Joint Staff, Department of Central Military Commission People's Republic of China, General Liu Zhenli di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur.

BENAK SANGATKAH KITA?

ZULKIFLI SULONG



PENULIS BEBAS

MINGGU ini negara dikocekkan oleh isu adendum atau tambahan yang melibatkan usaha bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk memohon pengampunan atas kesalahan yang telah beliau lakukan.

Najib mendakwa, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) telah memberikan titah tambahan selain daripada apa yang telah diputuskan oleh Lembaga Pengampunan dalam sidang mereka pada 29 Januari 2024.

Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin itu telah membuat keputusan Najib diberikan pengurangan 50 peratus bagi hukuman dan denda yang perlu dibayar.

Oleh yang demikian, Datuk Seri Najib Razak dipersetujui untuk dibebaskan pada tarikh pembebasan awal iaitu pada 23 Ogos 2028 dan denda yang perlu dibayar iaitu sebanyak RM210,000,000 dikurangkan kepada RM50,000,000.

Namun sekiranya denda tidak dibayar, tempoh penjara bagi Datuk Seri Najib Razak akan ditambah selama setahun di mana tarikh pembebasan beliau adalah pada 23 Ogos 2029, kata kenyataan Lembaga Pengampunan.

Sehari selepas itu, Najib mendakwa, Yang di-Pertuan Agong telah memberikan titah tambahan kepada keputusan itu iaitu mengarahkan agar Najib menjalani hukuman seterusnya secara tahanan di dalam rumah.

Mahkamah Rayuan pada 6 Januari 2025 telah mengesahkan kewujudan titah ini dan mengarahkan agar Mahkamah Tinggi meneruskan perbicaraan permohonan Najib agar titah adendum itu dilaksanakan.

Seorang rakan saya menghantar satu senarai soalan dan jawapan yang menarik mengenai keputusan Mahkamah Rayuan berkaitan adendum ini.

1. Adendum tahanan rumah wujud ke?

Ya, ia wujud.

2. Sah atau tidak?

Tidak sah kerana tidak sempat dimasukkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengampunan.



ISTANA kehakiman simbol kedaulatan undang-undang negara.

3. Apa yang sempat masuk Lembaga Pengampunan?

Pengurangan hukuman terkini Datuk Seri Najib Razak.

4. Boleh buat rayuan ke sebab ianya wujud?

Boleh. Ambil masa.

5. Jadi Najib bebas ke sekarang sebab adendum wujud?

Belum bebas. Masih dipenjarakan menjalani hukuman enam tahun penjara dan denda RM50 juta.

6. Kerajaan tipu! Sembunyikan adendum?

Kerajaan tak pernah nafikan. Kerajaan hanya hormati prosedur mahkamah.

7. Adakah kerajaan masukkan agenda permohonan pengampunan diraja kepada YDPA Sultan Ibrahim?

Sudah dimasukkan dan Istana Negara sudah keluar kenyataan perlu melalui Mesyuarat Lembaga Pengampunan baharu di bawah YDPA ke-17 Sultan Ibrahim. Kerajaan sekarang menjunjung titah YDPA dan mengikuti proses undang-undang negara,

bukan main langgar je macam PAS derhaka.

Saya tidak tahu sama ada jawapan yang diberikan ini tepat atau tidak tetapi ia sangat menarik untuk dinilai oleh kita bagi memahami isu adendum ini.

Selain itu, penglibatan PAS dalam perhimpunan membela Najib di Istana Keadilan Putrajaya ketika Mahkamah Rayuan bersidang juga menarik perhatian saya.

Ini kerana, sejak dari awal isu 1MDB ini lagi, PAS sangat tegas menekan Najib dalam perbuatan dan kenyataan mereka. Apabila dilihat Najib sudah tersudut dan terpisah dari majoriti UMNO, barulah PAS dilihat mula mengambil sikap lunak kepada Najib.

Sebelum ini, beberapa pimpinan PAS telah melawat rumah Najib selepas beliau dijatuhkan hukuman bersalah. Kunjungan tengah malam ini sangat pelik kerana ia seolah-olah membela penjenayah yang telah dibuktikan bersalah oleh mahkamah. Ini kerana PAS sering kali mengulangi matra, tidak bersalah sehingga diputuskan bersalah.

Namun kemuncak daripada sikap PAS tentang Najib adalah penyertaan PAS ke dalam himpunan solidariti untuk Najib. Ia dilakukan ketika isu adendum dibicarakan di Mahkamah Rayuan 6 Januari lepas. Yang menariknya, kumpulan pemimpin PAS yang dikenali sebagai Geng Publika yang menyertai perhimpunan ini.

Mereka digelar Geng Publika kerana

mereka selalu berjumpa dan bermesyuarat di pusat membeli-belah elit negara, Publika. Mereka adalah Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar, Datuk Seri Takiyudin Hassan dan Datuk Idris Ahmad.

Di pihak Bersatu pula adalah Datuk Seri Hamzah Zaimnudin dan juga Datuk Seri Mohamad Azmin Ali. Hamzah telah membuat kenyataan penting selepas Mahkamah Rayuan memihak kepada Najib 6 Januari lepas. (Azmin dilihat menjauhkan diri daripada Najib, mungkin faktor hubungan dengan Mahathir).

Hamzah mendakwa PM Anwar derhaka kerana telah menyembunyikan titah adendum itu. Namun bagi saya kenyataan Hamzah tidak penting sangat untuk memahami isu ini. Ini kerana menjadi pengetahuan umum, memang sikap pembangkang macam itu, ambil kesempatan.

Kenyataan yang paling penting bagi saya adalah daripada Zulkifli Yahya, Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah. Bekas Pengarang Berita Harakah ini memberikan kenyataan tulus bagi menjelaskan kenapa PAS, sebuah parti Islam yang sebelum ini mementingkan prinsip dan integriti, mengambil sikap yang pelik pada 6 Januari lepas.

Ketika seorang penulis bernama Mohd Syukri mengulas satu tulisan dalam Facebook, "Kadang-kadang hairan... penyokong PAS tidak pening ka dengan sikap pemimpin depa?"

Zulkifli menjawab: "Kamu ni buta politik, itulah strategi nak pecah belahkan UMNO, juga pecah belahkan BNPH."

Membaca tulisan ini barulah saya dapat faham itulah tujuan PAS sebenarnya... memecahkan Umno dan memecahkan BNPH.

Jadi kalau ahli, penyokong dan pemimpin UMNO tidak faham lagi perangai dan strategi PAS ini, saya tidak tahulah.

Tambahan lagi apabila tersebar semula minit mesyuarat Geng Publika yang antara lain memutuskan 'Setuju Datuk Seri Ismail Sabri perlu lebih keras terhadap Datuk Seri Zahid Hamidi dan Datuk Seri Najib'.

"Perlu ada campur tangan segera dalam kes mahkamah agar mempercepatkan jatuh hukum," kata minit berdasarkan mesyuarat yang berlangsung ketika kerajaan PN berkuasa di mana Ismail Sabri adalah PMnya.

Takkanlah dengan semua ini kita tidak faham lagi isu ini... kalau begitu benak sangatlah kamu.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Banteras 'cop parking'



Menunggu MRT 3

SIKAP penduduk meletakkan halangan seperti kon, tong, kayu atau bahan lain sebagai 'tempahan' kawasan parkir di kawasan kediaman mereka sudah jadi amalan biasa. Kerana itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak membanteras kegiatan 'cop parking' ini.

'Cop parking' biasanya dibuat di hadapan unit kediaman penduduk. Halangan diletak di atas jalan laluan awam. Tujuannya sebagai penanda jalan di hadapan rumah itu adalah lot parkir mereka, orang lain tidak boleh parkir di situ.

Dengan kata lain, mereka menjadikan kawasan luar rumah sebagai milik peribadi,

untuk memonopoli atau menguasai petak parkir. Muncullah lot parkir 'jadian' yang dicipta sendiri. Sepanjang jalan dipenuhi halangan sehingga mencacatkan pemandangan dan mengganggu laluan.

'Menempah' parkir haram ini hanya pandai-pandai sendiri. Mungkin parkir dalam kawasan rumah tidak cukup jika mempunyai banyak kereta. Tetapi meletakkan halangan sesuka hati menyalahi undang-undang serta mengganggu kelancaran pergerakan kenderaan lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi sokong tindakan agresif DBKL mengekang gejala ini dengan melancarkan pelbagai operasi.

TIDAK sabar warga kota menunggu kemunculan Transit Aliran Massa 3 (MRT 3) yang bakal melengkapkan rangkaian hubungan MRT di ibu kota. Laluan MRT 3 kelak bakal bersambung laluan MRT1 dan MRT 2 sedia ada.

Namun warga Wilayah Persekutuan perlu bersabar. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation (MRT Corp), Datuk Mohd Zarif Hashim, pembinaan dijangka hanya bermula pada 2027 setelah proses memperoleh tanah selesai.

Peringkat pertama, iaitu pemeriksaan awam, selesai pada Disember 2024. Selepas ini barulah MRT Corporation

memuktamadkan laluan dan memulakan proses pemerolehan tanah yang mengambil masa 24 bulan sehingga 2026. Jika semua berjalan menurut jadual, pada 2027 projek akan bermula.

MRT 3 yang dikenali sebagai Laluan Lingkar akan menjadi komponen terakhir rangkaian MRT Lembah Klang. Ia bakal menghubungkan pelbagai stesen MRT dan Transit Aliran Ringan (LRT) di ibu negara. Apabila siap projek ini bermakna lengkaplah rangkaian MRT dan LRT ibu kota.

Kawan-kawan Kedai Kopi teruja menunggu projek MRT 3 ini.

MENYIBUK BIARLAH BERTEMPAT

PROFESOR MADYA DR HASLINA MUHAMAD



PROFESOR MADYA
JABATAN ANTROPOLOGI
DAN SOSIOLOGI,
FAKULTI SASTERA
DAN SAINS SOSIAL,
UNIVERSITI MALAYA

PADA hari ini di mana informasi mengalir deras dan bebas, garis pemisah antara prihatin dan rasa ingin tahu sering menjadi kabur. Kita semua pernah merasakan keinginan untuk tahu lebih banyak, untuk berkongsi dan bahkan menghakimi. Namun persoalan yang perlu kita ajukan adalah bilakah sebenarnya rasa ingin tahu kita sudah melampaui sempadan 'menyibuk'? Dan bagaimana kita dapat menghayati rasa ingin tahu ini dengan cara yang menyokong kesejahteraan masyarakat dan bukannya memburukkan lagi keadaan?

Di tengah isu ini terletak satu perbezaan penting yang sering kita abaikan. Terdapat garis halus antara menunjukkan keprihatinan terhadap orang lain dan campur tangan dalam urusan mereka.

Konsep 'menyibuk biar bertempat' menggambarkan dengan tepat perbezaan ini. Ia berkaitan dengan mengetahui bila masa untuk campur tangan dan bila masa untuk menghormati privasi seseorang.

Pada dasarnya, sikap 'menyibuk' ini berakar daripada keinginan untuk mengetahui lebih banyak, sering kali kerana prihatin atau rasa ingin tahu. Namun, di sinilah pentingnya untuk kita melakukannya dengan niat yang baik dan dalam sempadan yang wajar.

Membantu seseorang yang memerlukan, memberikan sokongan dan menunjukkan rasa prihatin adalah tindakan yang

mulia. Tetapi jika kita melakukannya dengan menyebarkan khabar angin atau menjatuhkan hukum, ia boleh mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Inilah yang menjadikan aspek komuniti begitu penting di dalam hal begini. Sesebuah komuniti itu akan berkembang dengan saling membantu dan prihatin. Seorang jiran yang menyedari rumah jirannya semakin rosak, atau seorang kawan yang merasakan seseorang sedang menghadapi kesukaran, mungkin akan mengambil langkah untuk memberi bantuan.

Dalam situasi-situasi ini, rasa prihatin adalah sesuatu yang produktif. Namun apabila kita mula menyebarkan gosip atau menghakimi orang berdasarkan maklumat yang tidak lengkap, kita berisiko menyebabkan kerosakan dan keburukan, bukan sahaja kepada individu tersebut tetapi juga kepada masyarakat sekeliling secara keseluruhannya.

Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa dalam waktu-waktu kecemasan atau kontroversi, kita sering merasa tertarik untuk mengetahui lebih banyak, berkongsi atau bahkan berspekulasi. Ini naluri semula jadi manusia. Tetapi, dalam era yang dikuasai oleh

media sosial, akibat-akibat daripada tindakan tersebut boleh tersebar dengan pantas dan memberi kesan yang mendalam.

Penyebaran maklumat yang tidak sah malah berpotensi untuk menyebabkan kemudaratan dalam jangka masa panjang baik dari segi emosi bagi individu yang terlibat mahupun sosial bagi masyarakat yang lebih luas.

Kebangkitan 'kesan penonton' dalam situasi seperti kemalangan jalan raya atau kejadian awam adalah contoh jelas tingkah laku ini. Dalam situasi sebegini, ramai lebih suka melihat dari jauh, menunggu orang lain mengambil tindakan. Ini fenomena psikologi di mana individu gagal untuk membantu kerana mereka menganggap orang lain akan melakukannya.

Sikap pasif ini, meskipun kelihatan biasa, hanya akan memburukkan keadaan. Selain itu, keinginan untuk menjadi yang pertama menyebarkan kandungan yang mengejutkan atau kontroversial di media sosial turut memburukkan situasi.

MAHU JADI ORANG PERTAMA

RAMAI daripada kita yang mengutamakan menjadi yang pertama berkongsi berita yang diterima, daripada memikirkan akibatnya. Keinginan untuk mendapatkan perhatian atau pengesahan ini boleh melepasi batasan privasi dan rasa hormat,

semuanya demi keseronokan yang sementara.

Jadi apa yang perlu kita lakukan mengenainya? Bagaimana kita boleh memastikan bahawa keprihatinan kita terhadap orang lain tetap memberi manfaat dan tidak terjerumus ke dalam dunia gosip atau penghakiman yang merosakkan? Ia bermula dengan kesedaran diri dan empati.

Sebagai individu, kita mesti bertanya kepada diri sendiri: Mengapa saya berminat untuk mengetahui perkara ini? Adakah saya cuba untuk membantu atau sekadar untuk memuaskan rasa ingin tahu saya? Adakah perlu bagi saya untuk berkongsi perkara ini, dan bagaimana ia akan memberi kesan kepada mereka yang terlibat?

Selain itu, kita perlu mengakui bahawa media sosial sebenarnya boleh menjadi alat yang sangat berkuasa untuk melakukan kebaikan, tetapi ia memerlukan sebuah rasa tanggungjawab. Berkongsi kandungan sensitif atau peribadi boleh membahayakan jika kita tidak berfikir langsung mengenai akibat daripada perkongsiannya.

Dalam dunia di mana segala-galanya boleh dikongsi pantas, kita perlu berhati-hati dengan bagaimana tindakan kita itu bakal memberi kesan kepada orang lain kelak, bukan hanya pada masa ini, tetapi juga untuk jangka masa panjang.

Kepentingan mengekalkan batas sempadan ini tidak boleh dipandang ringan. Kita perlu menyedari bilakah tindakan kita itu memberi manfaat, dan bilakah pula ia sebenarnya mencampuri urusan orang lain. Dan ini adalah perkara yang amat penting dalam dinamik sesebuah keluarga.

Contohnya, semasa perjumpaan sesama ahli keluarga, soalan-soalan mengenai hubungan, pilihan kerjaya atau pencapaian peribadi boleh terasa mengganggu emosi. Walaupun soalan-soalan ini mungkin datang daripada niat yang baik, penting untuk diingat bahawa setiap orang berhak untuk menentukan apa yang mereka kongsi, dan bilakah masanya yang sesuai untuk mereka berkongsi.

Akhir sekali, marilah kita ingat bahawa pada hakikatnya, 'menyibuk biar bertempat' adalah tentang mewujudkan persekitaran yang positif dan menyokong.

Tindakan kita, baik dalam talian mahu pun di luar talian, haruslah bersifat terarah kepada pembinaan ikatan komuniti dan persefahaman. Apabila dilakukan dengan niat yang betul, sikap prihatin terhadap orang lain itu benar-benar mampu menyatukan kita, dan bukan sebaliknya. Ini bukan tentang persoalan mahu menyusup masuk ke dalam kehidupan orang lain, tetapi tentang memastikan keberadaan kita untuk membantu apabila diperlukan, dan bahawa kita menghormati sempadan orang lain.

Semasa kita menelusuri garis halus ini, marilah kita berusaha menjadikan rasa prihatin sebagai nilai bersama, bukan sekadar tindakan yang mengganggu. Apabila kita mendekati kehidupan orang lain dengan rasa hormat, empati dan keprihatinan yang sewajarnya, kita bukan sahaja memperkukuhkan hubungan, tetapi juga mencipta masyarakat yang lebih bersifat penyayang.

Marilah kita sama-sama 'menyibuk' tapi berpada pada kadarnya dan kena pada tempatnya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



SIMPAN BERGANDA
MENANG BERGAYA 4.0



Ahli kumpulan MBSB Group

MENANG SEGALANYA


Rebut peluang ini dengan membuka Akaun Semasa atau Simpanan PrimeWin-i MBSB Bank dengan deposit minimum RM200



CARA-CARA PENYERTAAN

Melalui Cawangan


Buka Akaun Semasa atau Simpanan-i PrimeWin dan ambil langkah pertama dalam simpanan bersama MBSB Bank



Imbas untuk cari cawangan terdekat

Melalui M Journey

Untuk pelanggan yang sedia ada



Muat turun di App Store

Pertanyaan

Hubungi Kami



Imbas untuk isi borang pertanyaan

Tempoh kempen: 2 Januari 2025 - 31 Disember 2025

* Tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen

Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Imej yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar tertakluk kepada perubahan atau pengubahsuaian tanpa notis.

Be Bold. Bank Smart.

MBSB Bank Berhad | No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)





NELAYAN tempatan membuat tukun ikan di Pantai Kampung Nagalang.

Lestarikan hidupan marin dengan bahan terpakai

TUKUN TIRUAN JAGA EKOSISTEM

KHAIRUL IDIN

DEMI memastikan usaha memelihara dan memulihara ekosistem kehidupan laut yang kian terancam di perairan kawasan pulau ini terus terpelihara, Persatuan Nelayan Kawasan Labuan Utara (PNKLU) mengambil usaha melaksanakan aktiviti melabuhkan tukun tiruan.

Menurut Pengurus Besar PNKLU, **Zubaidah Kilo**, pihaknya menggunakan pendekatan itu bagi meningkatkan ekosistem kehidupan laut di pulau ini sekaligus sebagai tempat pembiakan hidupan laut.

Katanya, aktiviti melabuh tukun tiruan itu telah memberikan kesan positif kepada hidupan marin khususnya kepada golongan nelayan dalam mendapatkan hasil tangkapan ikan di kawasan perairan ini.

"Sejak persatuan ini ditubuhkan pada tahun 2022, pihak kami amat menekankan kepentingan memelihara dan memulihara hidupan laut kepada ahli-ahli persatuan agar ia dapat memastikan habitat dan pembiakan khususnya ikan dapat dipertingkatkan.

"Untuk menjayakan usaha itu, kami melaksanakan beberapa aktiviti melabuhkan tukun tiruan sepanjang tahun dengan menggunakan bahan-bahan buang seperti tayar motosikal yang tidak digunakan.

"Kami melihat dengan menggunakan barang buang seperti getah tayar motosikal, ia mempunyai ketahanan yang lama di dalam air berbanding tukun tiruan berasaskan kayu yang hanya mampu bertahan sekitar tiga ke empat bulan sahaja.

"Selain itu, ia juga tidak memerlukan modal kerana barangan terbuang itu diperolehi

secara percuma dari bengkel di sekitar sini.

"Sehingga kini, pihak kami berjaya melabuhkan lebih 30 tukun tiruan di sekitar Kampung Nagalang dan Kampung Tanjung Aru. Berdasarkan pemerhatian daripada ahli-ahli kami yang juga golongan nelayan, ada peningkatan pembiakan ikan di sekitar perairan pulau ini.

"Dengan usaha ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada hidupan laut malahan dapat membantu meningkatkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan di pulau ini," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Tambahnya, pihaknya turut sering bekerjasama dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan agensi kerajaan mahupun swasta dalam melestarikan kehidupan laut di pulau ini terus terpelihara.

Katanya, pihak kerajaan memperuntukkan dana yang besar untuk projek dengan tujuan memastikan nasib golongan nelayan terus terbelak khususnya di Labuan.

Sementara itu, seorang nelayan veteran, **Talip Montel**, 73, menyifatkan usaha yang dilaksanakan sebagai satu usaha yang murni dalam memartabatkan nasib golongan nelayan di pulau ini dan secara tidak langsung dapat memelihara hidupan laut yang mana kian terancam.

"Sebagai nelayan, saya amat menyokong sepenuhnya usaha yang dilaksanakan ini kerana tanpa usaha ini tempat pembiakan

hidupan laut akan terjejas dan pada ketika ini terumbu karang di perairan Labuan juga semakin pupus.

"Alhamdulillah, dengan usaha melabuh tukun tiruan ini kami melihat jumlah ikan di perairan Labuan semakin meningkat dan hasil pendapatan pun secara tidak langsung meningkat.


"Saya harap usaha memulihara dan memelihara kelestarian hidupan laut ini terus dilaksanakan kerana ia perkara penting dalam kehidupan kita sebagai salah satu sumber makanan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai aktiviti pencerobohan nelayan asing khususnya dari negara jiran iaitu Filipina sehingga ke kawasan persisiran pantai, beliau sekeras-kerasnya membantah tindakan nelayan asing yang sering mengambil hak nelayan tempatan.

Katanya, kesan pencerobohan nelayan asing bukan sahaja menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan malah mereka juga merosakkan ekosistem hidupan laut dengan menggunakan kaedah pengeboman ikan dan sebagainya.

"Penguatkuasaan daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut telah dilaksanakan secara kerap di kawasan perairan Labuan namun penceroboh nelayan asing ini tetap degil dan licik.

"Kebimbangan itu sememangnya tidak dinafikan, lebih-lebih lagi ia akan memberikan kesan negatif kepada hidupan laut dan para nelayan tempatan.

Bagaimanapun, kami berharap kegiatan pencerobohan nelayan asing ini dapat dibendung dengan secara lebih holistik," katanya. 



ZUBAIDAH



TALIP

Anjuran festival hidupkan peniaga

PENGANJURAN program berskala kecil dan besar yang diadakan secara berterusan di pulau bebas cukai ini menjadi satu anjakan paradigma kepada para usahawan khususnya peniaga kecil dalam meningkatkan hasil pendapatan serta memacu sosioekonomi setempat.

Dengan penganjuran program dan festival yang berprestij seperti Borneo Art Festival (BAF) dan Labuan International Sea Challenge (LISC) yang menjadi festival tahunan telah terbukti memberikan kesan positif kepada ekonomi Labuan.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**, pihaknya sentiasa memberikan penekanan penting dalam usaha untuk menarik pengunjung luar ke Labuan dengan melaksanakan penganjuran program dan festival yang dapat membantu meningkatkan serta mempromosikan Labuan.

Katanya, Labuan kini mempunyai festival bertaraf antarabangsa yang menjadi program tahunan yang telah berjaya mencatatkan peningkatan pengunjung dalam dan luar negara ke pulau ini.

"Baru-baru ini, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa telah mengumumkan penganjuran Borneo Floral Festival yang bakal diadakan pada Julai ini sudah tentunya menjadi satu nilai tambah kepada Labuan.

"Dengan penganjuran tersebut, kami melihat ia akan merancakkan lagi ekonomi di pulau ini terutamanya kepada usahawan dan peniaga kecil yang memerlukan satu medium seperti penganjuran program bagi meningkatkan pendapatan mereka," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, **Simsudin**

memaklumkan pihaknya turut mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak kerajaan dan swasta untuk bekerjasama dalam melaksanakan sebarang perancangan yang memberi manfaat kepada usahawan dan masyarakat pulau ini.

"Ya, saya telah berbincang dengan pelbagai pihak yang mencadangkan beberapa program untuk dianjurkan sepanjang tahun ini.



FAHRISYA


Bagaimanapun setiap cadangan yang dibawa harus dipertimbangkan terlebih dahulu mengikut peringkat yang sesuai. Jika cadangan itu diluluskan, maka kami akan laksanakannya," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga

makanan manis, **Fahrisya Adreana Sarmawan** menyeru pihak kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) serta swasta untuk menggandakan lagi penganjuran program dan festival di Labuan kerana mampu menjadi platform kepada usahawan untuk mempromosikan perniagaan.

"Secara amnya, saya baharu sahaja menjadi usahawan yang mengetengahkan makanan pencuci mulut secara vendor dan antara platform saya untuk berniaga hanyalah menyertai kios yang disewakan menerusi penganjuran program dan festival yang diadakan.

"Selain itu, penglibatan saya dalam berniaga di tapak-tapak program atau festival ini memberikan keuntungan kepada saya kerana ia menjadi lokasi tumpuan orang ramai.

"Penganjuran program dan festival sama ada berskala kecil atau besar-besaran di Labuan perlu ditingkatkan lagi demi merancakkan ekonomi tempatan selain mempromosikan nama Labuan kepada pengunjung luar," katanya. 



FESTIVAL Tamu Labuan Food mampu merancakkan ekonomi tempatan.

Rancangan Sktruktur Putrajaya 2025

TINGKAT KUALITI EKOLOGI

SABRINA SABRE

PUTRAJAYA adalah sebuah bandar terancang dan dibina untuk menghadapi cabaran alam baru. Ia sebuah bandar dalam taman yang melihat kepada alam sebagai inspirasi, menghasilkan sebuah landskap yang dipengaruhi oleh keindahan Tasik Putrajaya.

Justeru, inisiatif untuk meningkatkan kualiti ekologi, badan air dan biodiversiti Putrajaya diberi perhatian utama ke arah pencapaian Polisi 5. Rancangan Struktur Putrajaya 2025 di bawah transformasi ke arah bandar hijau Putrajaya.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, **Normaliza Noordin**, kualiti air tasik yang tinggi adalah salah satu faktor terpenting untuk membuah hiasan yang cantik dan satu lagi unsur yang menjadi anugerah alam ialah dengan pembinaan Wetland Putrajaya.

"Wetland merupakan aset penting dalam menyumbang kepada penambahbaikan kepelbagaian diversiti dan kesihatan ekosistem perbandaran Putrajaya secara keseluruhan.

"Sebanyak 27 spesies tumbuhan *wetland* ditanam sebagai agen pembersih, menyaring dan meningkatkan kualiti air larian permukaan sebelum ia dialirkan ke Tasik Putrajaya.

"Selain itu, tasik dan *wetland* sehingga kini telah menjadi habitat semula jadi kepada lebih 250 spesies burung dan lain-lain terrestrial fauna seperti mamalia, reptilia dan



WETLAND antara komponen penting dalam pembangunan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

serangga," katanya.

Beliau berkata, Tasik dan Wetland Putrajaya telah melalui proses evolusi menjadikannya sebuah ekosistem badan air perbandaran yang matang dan seimbang.

"Pada tahun 2025, Tasik Putrajaya telah berusia 23 tahun manakala Wetland pula menjangkau usia 27 tahun.

"Selain objektif pembangunannya sebagai pusat sukan dan rekreasi air yang unggul, lokasi tersebut turut menjadi pilihan pelancong serta ikon gaya hidup yang sihat dengan

penduduk memanfaatkan fasiliti sisiran tasik yang disediakan untuk aktiviti riadah, jogging dan berbasikal.

"Oleh itu, aspek pengurusan bersepadu perlu dilaksanakan secara berkesan bagi memperkasakan pencapaian *output* dan *outcome* menepati objektif pembangunan tasik secara jangka panjang.

"Selain itu, keperluan kerja harian dan berkala, pemantauan (*monitoring*) mendapatkan data serta tindakan pengurusan (*management measures*) perlu dilaksanakan secara sistematik.

"Seterusnya, penyelenggaraan tumbuhan *wetland* harus dilaksanakan dengan cekap agar berfungsi baik untuk menyaring berlebihan, menambah kandungan oksigen terlarut dan sebagainya melalui beberapa proses fizikal dan biokimia yang kompleks.

"Ia termasuk penyelenggaraan tumbuhan *wetland* iaitu kerja penuaian (*harvesting*) serta penanaman semula (*replanting*)," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata

pembinaan *wetland* menyerlahkan pembangunan yang mampan di mana ekosistem unik dalam kawasan bandar sebagai rawatan air larian permukaan.

"Di samping membantu dalam tebatan banjir, *wetland* berperanan penting menyediakan tempat pembiakan, nurseri dan habitat kepada pelbagai flora dan fauna selain mewujudkan persekitaran yang kondusif buat penduduk untuk menginap, bekerja dan bermain.

"Ini hanya boleh dilakukan melalui usaha perancangan strategik dalam melaksanakan konsep pengurusan ekohidrologi dalam menguruskan kawasan tadahan Tasik dan Wetland Putrajaya secara bersepadu," katanya.

Tambah beliau, aspek pengurusan bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya yang melibatkan pelbagai program dengan pihak awam untuk menyemai sifat *sense of belonging*, kajian saintifik dan penyelidikan bagi tujuan penambahbaikan ekosistem perlu dilaksanakan secara berterusan.

Ia juga selaras dengan usaha memperkukuhkan kedudukan Tasik dan Wetland Putrajaya yang telah diiktiraf sebagai tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO-Intergovernmental Hydrological Programme sejak tahun 2010 serta tapak rujukan pengurusan badan air oleh International Lake Environment Committee Foundation (ILEC) yang berpusat di Universiti Shiga, Jepun dengan konsep Integrated Lake Basin Management.

Kolam renang Presint 6 tampil berwajah baharu

PASTI ramai yang teruja apabila pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan pembukaan semula kolam renang di Presint 6 yang kini berwajah baharu dengan pelbagai penambahbaikan dibuat.

Menurut PPj, lokasi yang dibuka semula pada Sabtu lalu itu dijangka mendapat sambutan menggalakkan sekali gus membantu menjana ekonomi Putrajaya.

"Dalam masa sama, orang ramai juga diingatkan untuk membawa pakaian renang seperti yang ditetapkan untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku.

"Untuk pengetahuan semua, kolam renang Presint 6 dibuka setiap hari kecuali Jumaat minggu kedua dan keempat serta jika hujan.

"Waktu operasi kolam pula dibahagikan kepada beberapa sesi iaitu sesi 1: 9 hingga 11 pagi, sesi 2: 1 hingga 3 petang, sesi 3: 5 petang hingga 7 malam dan sesi 4:



KOLAM renang Presint 6 dibuka semula pada 4 Januari lalu.

8 hingga 10 malam," katanya.

Sementara itu, PPj memaklumkan bayaran masuk bagi setiap sesi adalah RM2 untuk kolam dewasa manakala RM1 untuk kolam kanak-kanak.

"Selain itu, terdapat juga parkir

awam di aras bawah kolam renang jika parkir awam terbuka Kompleks Sukan Air Presint 6 penuh," katanya.

Sebarang pertanyaan dan maklumat boleh hubungi talian 03-8887 7335 atau e-mel mohd.bazly@ppj.gov.my.

TM anjur 5 kejohanan bertaraf dunia

TAEKWONDO Malaysia (TM) baru-baru ini mengumumkan Sarawak bakal menjadi tuan rumah untuk lima kejohanan taekwondo peringkat Asia yang berlangsung pada 25 hingga 31 Julai 2025.

TM memaklumkan lima kejohanan Asia berkenaan ialah Kejohanan Taekwondo Kyorugi Remaja, Kejohanan Poomsae Remaja, Kejohanan Kyorugi Kadet, Kejohanan Poomsae Kadet dan Kejohanan Taekwondo Para.

"Kejohanan ini akan menjadi platform utama untuk Malaysia muncul sebagai peneraju dalam menganjurkan kejohanan taekwondo bertaraf dunia, pada masa sama


meningkatkan kemahiran atlet kita dan mempersiapkan mereka kepada pertandingan antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, TM turut mengalukan semua organisasi sukan itu untuk menyertai badan induk yang sah bagi memastikan pengiktirafan rasmi serta mengelakkan sebarang cabaran undang-undang.

Dalam masa sama, TM juga mengesahkan kedudukannya sebagai badan pentadbir tunggal sistem Taekwondo Dunia (WT) di Malaysia yang diberikan kepercayaan mewakili Malaysia dalam Pertandingan WT di seluruh dunia.

"Susulan perkembangan itu, kami telah menjalankan satu sesi penilaian semula yang komprehensif dan sesi pengenalan untuk atlet serta pegawai dari Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA) dan Kukkiwon Malaysia pada Sabtu lalu.

"Proses ini menandakan satu langkah penting dalam komitmen kami terhadap inklusiviti dan kerjasama kerana kami secara rasmi menyambut mereka ke dalam TM.

"Kami mengajak semua organisasi taekwondo untuk bergabung dalam menyatukan visi yang sama, layak ke Sukan Olimpik 2028 dan meraih pingat Olimpik menjelang 2032," katanya. 

Catat rekod luar biasa

JAGUH CILIK TERIMA MBOR

JAGUH cilik sukan pushbike, Maleeq Dragster, 6, berjaya melakar sejarah apabila diiktiraf Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai juara terbanyak kejohanan pushbike kanak-kanak di luar negara dalam tempoh setahun.

Maleeq Dragster atau nama sebenarnya Wan Ayden Maleeq Wan Muhd Muzri mencatat rekod luar biasa dengan 14 kejuaraan, termasuk memenangi gelaran juara dunia kategori lima tahun di Run Bike Series (RCS) Championship di Tokyo, Jepun.

Bapanya, **Datuk Seri Wan Muhd Muzri** menyifatkan kejayaan anaknya itu sebagai bukti potensi sukan pushbike dalam membentuk generasi muda yang bersemangat juang dan berani.

"Maleeq bukan sahaja mencipta rekod baharu untuk Malaysia malah mengangkat martabat sukan pushbike tempatan ke peringkat lebih tinggi agar setanding dengan sukan kanak-kanak lain di dunia.

"Semoga dia terus mengekalkan prestasi cemerlangnya dan menjaga nama baik Malaysia di persada antarabangsa," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Lebih menakjubkan, selain mampu mempertahankan kejuaraan dua tahun berturut-turut di Jepun, Wan Ayden Maleeq juga mencatat kemenangan di beberapa negara termasuk Thailand, Indonesia, Filipina, Hong Kong dan Singapura.

Bahkan si cilik itu turut merangkul pelbagai kejuaraan tempatan, antaranya M8 Malaysia International Pushbike GP Series 2 2024 Langkawi, M8 Malaysia International Pushbike GP Series 4 2024 Petronas dan M8 Magnificent Race 2024.

Wan Ayden Maleeq yang kebiasaannya hanya melakukan latihan rapi pada waktu malam kerana tidak mahu mengganggu hari persekolahan, menewaskan



MALEEQ DRAGSTER bersama ibu bapanya ketika menerima MBOR.


pelumba-pelumba cilik antarabangsa dalam Rockfish Cup International Championship 2024 yang berlangsung baru-baru ini.

Wan Muhd Muzri yang juga Presiden The M8 Cycling Club berkata anaknya itu akan terbang ke Jepun sekali lagi bulan ini bagi menyertai Kejohanan Run Bike Series (RCS).

"Maleeq akan membawa nama negara bersama abang dan kakaknya serta tujuh pelumba lain iaitu Fayyadh, Raziq, Izz Fast, Amni, Rafif, Ilyas dan Dayyan. Saingan kali ini dijangka sengit, tetapi kami yakin dengan persiapan rapi, pelumba

Malaysia mampu mencapai keputusan terbaik," katanya.

Mengenai masa depan Wan Ayden Maleeq selepas sukan pushbike, Wan Muhd Muzri berkata, anaknya berhasrat untuk meneruskan langkah sebagai pelumba sukan permotoran Mini GP, hasil kerjasama antara M8 Malaysia dan ZK Racing.

"Program ini memberi peluang kepada kanak-kanak berbakat untuk melangkah lebih jauh. Aktiviti sukan seperti ini bukan sahaja membina keyakinan diri tetapi juga membantu mereka bergaul dengan rakan sebaya," katanya. 



PELUMBA negara diharap mampu peraga aksi terbaik di laman sendiri untuk mengutip mata UCI.

Medan pelumba negara buru mata

EMPAT kejohanan penting iaitu Kejohanan Lumba Basikal Asia 2025 (ACC 2025) dan Kejohanan Asean Track GP President Cup 2025 Siri 1, 2, & 3, dijangka menjadi keutamaan buat pelumba negara untuk memburu mata dalam kalendar Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

Menurut Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia

(PKBM), **Datuk Amarjit Singh**, Kejohanan ACC 2025 yang akan berlangsung pada 21 hingga 27 Februari dan Kejohanan Asean Track GP (13 hingga 20 Januari) itu menawarkan peluang terbaik buat pelumba negara bagi memanfaatkan kelebihan berlumba di gelanggang sendiri dengan sokongan padu penonton tempatan.

"Kesemua kejohanan itu akan berlangsung di Velodrom Kebangsaan Nilai, Negeri Sembilan.

"Saya berharap pelumba negara menggunakan peluang ini sebagai medan terbaik untuk mengumpul sebanyak mungkin mata UCI," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata pelumba bertaraf dunia, Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Nurul Izzah Izati

Mohd Asri mampu mengekalkan momentum cemerlang pada awal tahun ini dalam kejohanan-kejohanan berkaitan.


Dalam masa sama, Naib Presiden Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) itu berkata pelumba dari Jepun, Korea Selatan, Kazakhstan, Hong Kong dan Iran akan menjadi cabaran utama bagi pelumba Malaysia di ACC 2025.



AMARJIT

"Pencapaian pelumba Malaysia di ACC 2025 dan Kejohanan Asean Track GP President Cup 2025 turut boleh dijadikan sebagai kayu pengukur menjelang Sukan SEA 2025 di Bangkok, Thailand.

"Saya optimis pelumba kita mampu mendominasi acara trek di Sukan SEA 2025. Dengan kerja keras dan persiapan rapi, kami boleh meraih semua pingat yang dipertandingkan di Bangkok nanti," katanya.

Sebagai rekod, Datuk Azizulhasni Awang pernah mencatat kejayaan cemerlang dengan meraih dua pingat emas dalam acara keirin dan pecut pada ACC 2023. Namun The Pocket Rocketman dijangka tidak akan beraksi di ACC 2025 kerana ingin memberi tumpuan kepada pengajiannya. 

Didik masyarakat tentang jenayah scam

DIN TIGER JADI INSPIRASI

DEEL ANJER

KATA orang, pengalaman mendewasakan dan mengajar erti kehidupan sebenar. Belajar daripada pengalaman lalu, selebriti popular **Datuk Afdlin Shauki** akui tidak mahu pengalamannya ditipu hingga mengalami kerugian ratusan ribu ringgit bagi menubuhkan stesen televisyen beberapa tahun lalu berulang.

Untuk itu, atas dasar tanggungjawab sosial dan sebagai peringatan buat masyarakat, Afdlin menghasilkan naskhah berkaitan 'scammer' menerusi drama episod *Din Tiger*.

Drama lapan episod itu telah menemui penonton bermula 6 Januari baru-baru ini, setiap Isnin pukul 11 malam melalui saluran Degup HD, Unifi TV.

Menurut Afdlin yang turut bertindak selaku pengarah drama terbitan syarikatnya KL Post, dia mendapat bantuan daripada dua bekas pegawai polis, Rahmat Fitri Abdullah dan Kamal Affandi Hashim yang pernah berkhidmat di bahagian jenayah komersial bagi mendapatkan 'input'.

"Kita sering menyangka mereka yang menjadi mangsa 'scammer' adalah orang yang kurang bijak, tetapi ramai saja dalam kalangan yang bijak pandai dan profesional menjadi mangsa," katanya yang turut berlakon dalam drama itu.

Turut sama beraksi ialah Datuk Aaron Aziz, Tony Eusoff, Josiah Hogan, Datin Seri Nina Juren, Mia Sarah Shauki dan Adam Corrie Lee.



Kesedaran tentang scam

BAGI artis versatil, **Shiha Zikir**, antara jenayah *scam* yang berlaku dalam masyarakat hari ini adalah termasuk penipuan, manipulasi dan penyalahgunaan kepercayaan.

"Jenayah *scam* ini satu masalah besar kepada masyarakat yang telah berlaku sekian lama. Ada saja kita dengar orang kena *scam*, ia seolah-olah tiada penyelesaian.

"Salah satu cara untuk memberi kesedaran agar masyarakat lebih berhati-hati adalah menerusi drama seperti *Din Tiger* ini.

"Syabas Datuk Afdlin dan *team* kerana menghasilkan karya yang memberi banyak manfaat kepada kita semua. Kiranya kita boleh cakap, kempen kesedaran jenayah *scam* menerusi drama.

"Apabila ada kempen sebegini, sudah tentu ia menggalakkan orang ramai untuk menyebarkan maklumat tentang *scam* dalam pelbagai saluran media sosial mereka.

"Kalau bukan sesama kita saling mengingatkan, siapa lagi? Apabila kempen jenayah *scam* ini muncul setiap kali kita buka media sosial, lama-kelamaan kesedaran itu sebatik dalam diri masyarakat. Ini sesuatu yang positif," katanya.

Selain itu, kesedaran melalui drama mendedahkan masyarakat mengenai taktik yang digunakan dalam jenayah tersebut. 📺



Kuat kuasa undang-undang lebih ketat

"**D**ENGAN adanya drama yang bercerita tentang jenayah *scam* seperti *Din Tiger* ini, ia secara tak langsung menggalakkan penguatkuasaan undang-undang," ujar **Izzue Islam**.

Bagi Izzue, drama boleh mencetuskan perbualan masyarakat dan netizen dalam media sosial, sekali gus isu ini dilihat penting diutarakan.

"Saya yakin kerajaan atau pihak berkuasa pasti sentiasa cakna dan ambil tahu apa yang sedang dihadapi oleh rakyat. Apa lagi, isu *scam* ini semakin membimbangkan.

"Mungkin boleh berlaku kerjasama antara agensi dalam memerangi jenayah ini. Dengan ini rakyat berani tampil untuk berkongsi maklumat sekali gus ia membawa kepada penguatkuasaan undang-undang," katanya.

Izzue juga percaya, bukan hanya di peringkat kerajaan malah komuniti tertentu juga mengambil serius hal ini.

"Di peringkat komuniti pula, boleh diwujudkan pasukan petugas khas untuk menyiasat dan memberi hukuman kepada *scammer*."

"Kita tak boleh harapkan kerajaan sahaja, sebaliknya masyarakat juga harus berganding bahu mengatasi masalah ini. Sama-sama kita bertindak," tambahnya. 📺

Reza Shah kagum idea Afdlin

PESERTA program realiti *One In A Million* (OIAM) musim ketiga, **Reza Shah** akui kagum dengan usaha Datuk Afdlin Shauki mengangkat isu jenayah *scam*.

"Bagi saya, jarang drama yang mengangkat isu serius ini. Selama ini saya asyik dengar ramai mengeluh apabila jadi mangsa *scammer*. Dalam media sosial banyak kisah ini.

"Drama *Din Tiger* sedikit sebanyak boleh menyedarkan masyarakat perihal pentingnya bertindak apabila jadi mangsa *scammer*. Jangan berdiam diri kerana takut.

"Drama ini jelas menunjukkan jenayah *scam* ini sesuatu yang serius. Bukan perkara remeh," katanya.

Dalam masa yang sama, Reza mengingatkan masyarakat agar lebih berwaspada dalam pembelian dalam talian.

"Saya juga sering dengar penipuan dalam jual beli *online*. Mahu atau tidak, untuk mencegahnya, pengguna sendiri yang kena selidik betul-betul sebelum buat pembelian.

"Jangan terburu-buru hanya kerana terpedaya dengan iklan yang menarik. Siasat betul-betul. Tengok komen pembeli sebelum ini dan bertanya kepada orang lain juga.

"Bukan apa, apabila dah terkena, agak sukar untuk kita dapat wang kembali dan alami kerugian. Duit itu boleh guna untuk perkara lain sepatutnya," tambahnya. 📺





Jaguh cilik terima MBOR >>22

Kuat kuasa undang-undang lebih ketat



Trend berjalan kaki dan berbasikal tidak salah

TUNAI HAJI DENGAN SELAMAT

AZLAN ZAMBRY

BEBERAPA tahun kebelakangan ini, fenomena mengerjakan ibadah haji melalui berjalan kaki atau berbasikal telah menarik perhatian ramai. Pada kebiasaannya, jemaah haji akan menggunakan pengangkutan moden seperti pesawat, namun segelintir individu mula memilih untuk melakukan perjalanan yang lebih mencabar dengan berjalan kaki atau berbasikal menuju ke Tanah Suci. Pilihan ini bukan hanya menonjolkan semangat jihad dan ketabahan, tetapi juga melambangkan keinginan mendalam untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Menurut Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Mohd Adnan**, secara asasnya salah satu daripada syarat wajib ke atas seseorang itu ialah mempunyai kemampuan (istitiah) untuk mengerjakan ibadah haji.

"Istitiah itu merangkumi kecukupan bekalan serta mempunyai kenderaan yang boleh menyampaikan dirinya ke Makkah. Hal ini seperti mana yang dinyatakan dalam sabda Rasulullah SAW: 'Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW bertanya kepada Baginda SAW: Ya Rasulullah, apa yang mewajibkan seseorang untuk menunaikan haji? Jawab Nabi SAW: 'Bekalan dan juga kenderaan.' (Riwayat al-Tirmizi)

"Oleh yang demikian, hukum melaksanakan ibadah haji dengan menaiki basikal adalah sah jika dilihat daripada ciri-ciri 'istitiah' namun berbeza fadilat bagi mereka yang berjalan kaki kerana ibadah haji sunat dilaksanakan dengan kenderaan," katanya kepada Wilayahku.

Menjelas lanjut, Jamali berkata, menurut Imam al-Syirwani, berjalan kaki ketika mengerjakan sebarang ibadah adalah dituntut melainkan bagi ibadah haji kerana berkenderaan

dalam ibadah ini adalah lebih afdal. "Oleh yang demikian, fadilat bagi mereka yang pergi haji dengan berbasikal atau berkenderaan moden adalah sama ganjarannya. Namun yang membezakan kedua-dua ini adalah aspek keselamatan serta kemudahan untuk seseorang itu sampai ke Makkah," katanya.

Menurut beliau, kriteria yang turut diambil kira adalah soal kesihatan kerana ia merupakan sebahagian daripada ciri-ciri istitiah dalam ibadah haji yang mewajibkan seseorang itu menunaikan ibadah berkenaan.


"Ia begitu juga dalam aspek keselamatan kerana agama Islam menitikberatkan setiap perkara yang boleh membantu seseorang untuk beribadah dalam keadaan yang selamat tanpa ditimpa kemudaratan.

"Terdapat larangan dalam Islam bagi sesiapa yang melakukan sesuatu yang memudaratkan berdasarkan kepada firman Allah SWT: 'Dan janganlah kamu mencampakkan (diri kamu) dengan tangan kamu ke arah kibinasaan.' Surah al-Baqarah (195)," katanya.

Jamali berkata secara asasnya, Islam mengharuskan segala perbuatan selagi mana niat daripada perbuatan tersebut adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. "Begitu juga bagi seseorang yang pergi menunaikan haji dengan berbasikal dan berjalan kaki adalah harus dan sah sekiranya perbuatan tersebut diiringi dengan niat kerana Allah SWT," katanya.

Namun, kata Jamali dalam dunia yang semakin maju dan serba canggih ini, aspek keselamatan perlu dititikberatkan dan sekiranya terdapat pilihan pengangkutan yang lebih menjamin keselamatan.

"Maka sebaiknya menggunakan alternatif tersebut. Agama Islam tidak menggalakkan seseorang itu terlibat



SALAH satu daripada syarat menunaikan haji ialah mempunyai kemampuan (istitiah).

di dalam perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan," kata beliau.

Menurut Jamali, pelaksanaan ibadah haji yang tidak berdaftar dengan agensi bertanggungjawab seperti Lembaga Tabung Haji wajar dielakkan berikutan ia tertakluk kepada pertimbangan dan keperluan badan-badan berautoriti yang mengendalikan hal ini.

"Ini kerana, pengurusan haji terkait dengan beberapa perkara penting seperti penyediaan visa haji, pengurusan kuota jemaah haji dan perkara-perkara seumpamanya.

"Oleh itu, rakyat Malaysia perlu mematuhi segala perkara yang telah ditetapkan oleh pemerintah dan badan-badan berautoriti dalam pengurusan haji. Hal ini kerana setiap polisi dan perkara yang ditetapkan oleh pihak berautoriti ini telah mengambil kira aspek kemaslahatan jemaah haji," katanya.

Menurut Jamali, setiap negara telah menetapkan undang-undang khususnya dalam memasuki serta merentasi sempadan sesebuah negara.

"Oleh yang demikian, setiap jemaah haji yang berbasikal atau berjalan kaki untuk ke Makkah perlu memiliki visa perjalanan untuk merentasi sempadan di sesebuah negara.

"Polisi sebegini perlu dipatuhi oleh mana-mana jemaah kerana polisi yang ditetapkan telah mengambil kira kemaslahatan dan kepentingan bagi jemaah seiring dengan kaedah. Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada kemaslahatan terhadap rakyat," katanya.

Sementara itu, Jamali berkata, penetapan 0.1 peratus kuota haji daripada jumlah penduduk Islam sesebuah negara berdasarkan keputusan persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation - OIC) atau OIC pada tahun 1988 di Amman, Jordan.

"Merujuk kepada kerajaan Arab Saudi, sebanyak 31,600 kuota haji yang telah diluluskan untuk jemaah Malaysia dan ia menunjukkan sesuatu perkembangan yang positif dari sudut pengurusan haji oleh badan-badan berautoriti di Malaysia.

"Namun begitu, kecenderungan sesetengah rakyat Malaysia memilih untuk bergerak dengan kumpulan berbeza perlu dilihat kepada faktor-faktor yang lain seperti tahun serta giliran mereka yang masih jauh untuk mengerjakan haji," katanya.

Jamali juga menasihatkan kepada orang ramai untuk memilih pengangkutan yang selamat seperti pesawat sebagai alternatif untuk ke tanah suci Makkah untuk menunaikan ibadah haji berlandaskan kepada prinsip Maqasid Syariah.

"Hal ini untuk mengelakkan sebarang risiko yang tidak diingini berlaku kepada jemaah yang berbasikal atau berjalan kaki khususnya dari sudut keselamatan.

"Tambahan lagi, setiap rakyat Malaysia mestilah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada pihak yang berautoriti dalam pentadbiran dan pengurusan haji di Malaysia.

"Di samping itu, mematuhi setiap prosedur yang ditetapkan oleh pemerintah yang bertanggungjawab demi kebaikan dan kemaslahatan bersama," katanya.